05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# INTERVENSI PEMULIHAN REHABILITASI PERTUTURAN TERHADAP MURID BERMASALAH PENDENGARAN

BASHIROH BINTI HAJI OMAR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS-TERAPI PERTUTURAN)
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# INTERVENSI PEMULIHAN REHABILITASI PERTUTURAN TERHADAP MURID BERMASALAH PENDENGARAN

## ABSTRAK

Kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan pelaksanaan intervensi pemulihan pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran menggunakan Modul Syahrulikram (Modul S.I) yang terdiri daripada tiga peringkat. Pengkaji hanya menumpukan pada sebutan murid dalam lingkungan vokal (a, e, i, o, u, e) dan konsonan (h, l, w, y, b, p) dalam peringkat asas. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, dan analisis dokumen. Subjek kajian terdiri daripada empat orang murid dari sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Mereka mengalami masalah pendengaran sejak dilahirkan, pertuturan mereka kurang jelas dan agak sukar difahami oleh orang lain. Berdasarkan ujian pra, ketidakupayaan ketara yang dihadapi oleh subjek kajian dalam pertuturan adalah penggantian dan pengguguran berbanding kesilapan lain seperti penambahan fonem. Penggantian kerap dilakukan bagi fonem vokal /e/ dengan /e/, dan konsonan /b/ dengan /p/ kerana responden kajian agak keliru untuk membezakan fonem-fonem tersebut manakala pengguguran pula kerap berlaku pada perkataan yang mempunyai fonem /h/ sama ada di awal, tengah dan akhir perkataan. Intervensi pemulihan pertuturan telah dijalankan selama tiga bulan dan setiap subjek kajian telah menjalani sebanyak sepuluh sesi intervensi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian subjek kajian dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Kesilapan seperti penggantian, pengguguran dan penambahan fonem menunjukkan penurunan malah sebutan subjek kajian menjadi lebih lancar dan jelas. Keupayaan subjek kajian menyebut fonem vokal juga adalah lebih baik berbanding fonem konsonan. Pengulangan dan latih tubi berterusan membantu penguasaan pertuturan lebih berkesan. Hasil kajian ini memberi implikasi bahawa Modul S.I dapat membantu murid bermasalah pendengaran menguasai kemahiran bertutur sekiranya intervensi awal diberikan. Kaedah dalam modul ini juga diharapkan dapat digunakan lebih meluas di sekolah kerana ia dapat membantu murid-murid bermasalah pendengaran menguasai pertuturan lebih cepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SPEECH REHABILITATION INTERVENTION FOR STUDENTS WITH HEARING IMPAIRED

## ABSTRACT

This qualitative study was conducted to see the effect of intervention on speech rehabilitation of hearing impaired students using Syahrulikram Module (Module S.I) which consists of three levels. The researcher only focus on students' pronunciation of vowels (a, e, i, o, u, e) and consonants (h, l, w, y, b, p) at the basic level. This study used observations, analysis of documents, as well as pre and post test procedures as the method of investigation. The subjects consisted of four students from a secondary school in Kuala Lumpur. They suffered from hearing problems since birth, their speech is unclear and may be difficult for others to comprehend. Based on the results of the pre-test, significant speech problems faced by the subject of the study is substitution and omission compared to other errors such as addition of phonemes. Frequent substitutions were made for vowel phonemes /e/ and /ɛ/, and consonants /b/ and /p/ as subjects were rather confused to distinguish these phonemes. Omission are also common in words that have the phoneme / h / either at the beginning, middle or end of the word. Speech rehabilitation interventions were carried out for three months and every study subjects underwent ten sessions of interventions. The findings showed that study subjects showed an improvement in the post-test compared to the pre-test. Mistakes such as substitution, omission and addition of phoneme show a decline and the subjects pronunciation become smoother and clearer. Subjects were able to pronounce vowel phonemes better than the consonant phonemes. Constant repetition and drills helps to improve their speech effectively. The results of this study implies that S.I Module can help students who are hearing impaired improve their oral skills if given early intervention. It is hoped that the method in this module be practiced more widely in schools because it not only can help students who are hearing impaired improve their speech.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

**PENGAKUAN**

**PENGHARGAAN** iii

**ABSTRAK** iv

**ABSTRACT** v

**KANDUNGAN** vi

**SENARAI JADUAL** vii

**SENARAI RAJAH** viii

**SENARAI SINGKATAN** ix

**SENARAI LAMPIRAN** x

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Tujuan Kajian 11

1.5 Objektif Kajian 11

1.6 Persoalan Kajian 12

1.7 Kepentingan Kajian 13

1.8 Kerangka Konseptual Kajian 16

1.9 Skop Kajian 19

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 1.10 | Batasan Kajian | 20 |
| 1.11 | Definisi Operasional | 21 |
| 1.12 | Kesimpulan | 25 |
| **BAB 2** | **TINJAUAN LITERATUR** | |
| 2.1 | Pengenalan | 26 |
| 2.2 | Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran | 27 |
| 2.3 | Teori dan Model Berkaitan Kajian | 29 |
| 2.4 | Kerangka Teori Kajian | 34 |
| 2.5 | Kesan Intervensi Awal Terhadap Pertuturan | 35 |
| 2.6 | Kesan Penggunaan Alat Bantu Pendengaran Terhadap Penguasaan Pertuturan | 39 |
| 2.7 | Kesan Intervensi Pemulihan Pertuturan Terhadap Sebutan dan Bahasa | 43 |
| 2.8 | Kaedah Komunikasi Murid Bermasalah Pendengaran | 45 |
| 2.9 | Rumusan | 48 |
| **BAB 3** | **METODOLOGI** | |
| 3.1 | Pendahuluan | 50 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 50 |
| 3.3 | Persampelan dan Populasi | 52 |
| 3.4 | Lokasi dan Tempoh Kajian | 54 |
| 3.5 | Prosedur Kajian | 55 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 59 |
| 3.7 | Pelaksanaan Kajian S.I | 64 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | | |
|---|---|---|
| 3.8 | Kesahan Instrumen | 65 |
| 3.9 | Prosedur Pengumpulan Data | 67 |
| 3.10 | Tatacara Penganalisisan Data | 72 |
| 3.11 | Kesimpulan | 75 |
| **BAB 4** | **DAPATAN KAJIAN** | |
| 4.1 | Pengenalan | 76 |
| 4.2 | Latar Kajian | 76 |
| 4.3 | Analisis Profil Responden dan Laporan Pakar Perubatan | 77 |
| 4.4 | Pelaksanaan Intervensi dan Pemilihan Responden | 81 |
| 4.5 | Masalah Sebutan Responden | 82 |
| 4.6 | Rancangan Pelaksanaan Intervensi Modul S.I | 86 |
| 4.7 | Keupayaan Sebutan Responden Selepas Intervensi Pertuturan | 101 |
| 4.8 | Rumusan | 105 |
| **BAB 5** | **PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN** | |
| 5.1 | Pengenalan | 106 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 107 |
| 5.3 | Perbincangan dan Dapatan Kajian | 108 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 116 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 120 |
| 5.6 | Penutup | 122 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Enrolmen Program Pendidikan Khas Integrasi | 28 |
| 3.1 | Maklumat Responden Kajian | 53 |
| 3.2 | Senarai Panel Pakar Pengesahan Instrumen Kajian | 66 |
| 3.3 | Skala Pengukuran Persetujuan Pakar | 67 |
| 3.4 | Kaedah Pengumpulan Data | 72 |
| 3.5 | Penilaian dan Pemarkatan Ujian Pra-Pasca | 74 |
| 4.1 | Profil Responden Kajian | 80 |
| 4.2 | Masalah Sebutan Dalam Ujian Pra | 85 |
| 4.3 | Skor Ujian Ling | 87 |
| 4.4 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 1 | 89 |
| 4.5 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 2 | 91 |
| 4.6 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 3 | 92 |
| 4.7 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 4 | 93 |
| 4.8 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 5 | 95 |
| 4.9 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 6 | 96 |
| 4.10 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 7 | 97 |
| 4.11 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 8 | 98 |
| 4.12 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 9 | 99 |
| 4.13 | Program Intervensi Pertuturan Sesi 10 | 100 |
| 4.14 | Masalah Sebutan Dalam Ujian Pasca | 102 |
| 4.15 | Skor Ujian Pra dan Pasca | 103 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SENARAI RAJAH


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 19 |
| 2.1 | Model Bawah ke Atas | 33 |
| 2.2 | Kerangka Teoritikal Kajian | 35 |
| 3.1 | *Speech Banana Audiogram* | 64 |
| 3.2 | Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca | 71 |
| 4.1 | Graf Pendengaran | 104 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| 3PK | Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas |
| BP KHAS | Bahagian Pendidikan Khas |
| dB | *Decibel* |
| JCIH | *Joint Committee on Infant Hearing* |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| JPN | Jabatan Pendidikan Perak |
| JPWPKL | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| K | Konsonan |
| KKM | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| MODUL S.I | Modul Syahrulikram |
| NGO | Badan Bukan Kerajaan |
| OAE | *Oto Acoustic Emission* |
| OKU | Orang Kurang Upaya |
| PPD | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| V | Vokal |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| **A** | Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan |
| **B** | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian EPRD |
| **C** | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPWPKL |
| **D** | Surat Pengesahan Instrumen Kajian |
| **E** | Surat Pengesahan Transkripsi Fonetik |
| **F** | Borang Maklumat Murid |
| **G** | Ling 6-Sound |
| **H** | Senarai Semak Ujian Ling |
| **I** | Modul S.I |
| **J** | Borang Pemerhatian |
| **K** | Modul Latihan Membaca Menggunakan S.I |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manusia merupakan makhluk istimewa yang dianugerahkan Allah dengan keupayaan berfikir dan bertutur. Umumnya, setiap bangsa di dunia bertutur menggunakan bahasa sendiri. Melalui bahasa lisan yakni pertuturan manusia dapat berhubung antara satu sama lain. Dalam mencapai matlamat pendidikan, perkembangan pertuturan seseorang murid adalah asas kepada perkembangan bahasa dan pemikiran mereka. Dengan erti kata lain, pertuturan merupakan rantaian utama terhadap pencapaian dan potensi murid kerana ianya merupakan alat perhubungan utama dalam kehidupan seharian.

Keupayaan kanak-kanak untuk membentuk pertuturan dan bahasa terhasil daripada keupayaan mereka mendengar, memahami maksud dan seterusnya menuturkan apa yang didengar. Namun, bagi golongan yang menghadapi masalah pendengaran, halangan pendengaran menyebabkan keupayaan bertutur dan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berbahasa mereka lemah (Hallahan & Kauffman, 1997). Tinjauan Jaiprakash dan Farid (1995) mendapati sekolah-sekolah memberi penekanan terhadap penggunaan isyarat sehingga menenggelamkan keupayaan murid untuk memperkembangkan kemahiran bertutur seterusnya menjejaskan penguasaan bahasa mereka. Selain masalah komunikasi dan pencapaian akademik yang lemah, murid bermasalah pendengaran juga menghadapi masalah penguasaan literasi yang rendah serta lemah dalam penguasaan bahasa ekspresif dan reseptif (Friedner, 2002; Punch et al., 2004).

Jika dilihat dari segi fizikal, murid-murid bermasalah pendengaran kelihatan normal namun mereka mempunyai kecacatan tersembunyi yang menjejaskan kehidupan mereka. Terdapat tiga jenis kehilangan pendengaran iaitu konduktif, sensori neural dan *mix hearing loss.* Kehilangan pendengaran konduktif biasanya berlaku selepas lahir akibat ketidaknormalan yang melibatkan telinga luar dan telinga tengah. Ia mungkin disebabkan oleh sekatan pada lubang telinga, kebocoran pada gegendang telinga, atau ketidaknormalan telinga tengah seperti dipenuhi cecair dan sebagainya. Masalah pendengaran sensori neural juga dikenali sebagai pekak saraf (*sensory neural hearing loss*). Kerosakan biasanya berlaku pada koklea atau saraf pendengaran dan memberi kesan kekuatan bunyi pada setiap frekuensi. Ketidakupayaan pendengaran menyebabkan mereka sukar menerima dan menyampaikan maklumat dengan berkesan (Taylor, Smiley & Richard, 2009).

Dalam mana-mana sistem pendidikan, peperiksaan adalah ukuran pencapaian akademik seseorang. Penguasaan pertuturan dan bahasa yang lemah dalam kalangan murid bermasalah pendengaran secara tidak langsung menjejaskan perkembangan kognitif (Jamila, 2005). Umumnya, murid bermasalah pendengaran mempunyai tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



rangkaian kecacatan iaitu tidak mendengar, sukar menggunakan bahasa lisan untuk berkomunikasi dan tahap pemikiran yang agak lambat berbanding murid tipikal. Faktor ini menjejaskan kognitif mereka akibat kurangnya rangsangan pembelajaran yang dapat diterima oleh mereka (Marshark et al., 2002). Oleh itu, guru perlu menekankan kepada kemahiran mendengar dan bertutur sebelum murid diajar kemahiran selanjutnya seperti menulis dan membaca (Abdullah Yusof, 1993).

Kanak-kanak bermasalah pendengaran menunjukkan prestasi yang lemah terutama dalam mata pelajaran yang melibatkan penggunaan bahasa kesan ketidakupayaan pendengaran mereka (Reed, 1991). Laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa kerajaan berusaha menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan kualiti bertaraf dunia kepada murid berkeperluan khas. Kolaborasi pelbagai pihak penting kerana pendidikan golongan berkeperluan khas merentasi keperluan sosial, emosi, mental dan fizikal (Mohd Mokhtar, Manisah dan Safani, 2005). Kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memudahkan kolaborasi antara kumpulan pelbagai disiplin (Ardzulyna, 2013). KPM dan KKM mengadakan kursus *peripetetik* yang berkonsepkan pendekatan '*transdiciplinary'* untuk guru-guru dengan memberi pendedahan tentang keperluan murid berkeperluan khas seperti terapi pertuturan bagi meningkatkan potensi murid bermasalah pendengaran di sekolah.

Kebanyakan kanak-kanak berkeperluan khas memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang khusus. Justeru, Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) ditubuhkan atas kesedaran perlu wujudnya satu sistem sokongan antara tiga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kementerian dalam membantu individu berkeperluan khas (BP Khas, 2011). 3PK ditubuhkan sebagai pusat terapi dan rehabilitasi yang menyediakan khidmat kepakaran seperti audiologi, terapi pertuturan serta ujian pendengaran dan '*fitting*' alat bantu pendengaran (Utusan Malaysia, 30 Oktober 2008). Pelbagai aktiviti 3PK dilaksanakan seperti program *out reach* pendidikan khas, kem pertuturan (speech camp) dan pameran pendidikan khas dengan kerjasama JICA, JKM dan KKM . Kolaborasi semua pihak yang berkenaan amat diperlukan bagi mengoptimumkan peluang, ruang dan potensi murid bermasalah pendengaran (Ardzulyna, 2013; Madinah, 2014).

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak dalam mewujudkan kolaborasi bagi membantu murid-murid berkeperluan khas. Langkah ini untuk memastikan undang-undang dan peraturan yang dibentuk untuk menjaga hak dan kebajikan mereka tidak diabaikan. Ini termasuklah hak mendapat pendidikan dan perkhidmatan terbaik serta khidmat sokongan yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**1.2 Latar Belakang Kajian**

Pertuturan memerlukan rangsangan visual, verbal dan auditori. Lazimnya kanak-kanak yang menghadapi bermasalah pendengaran tidak dapat menguasai kemahiran ini lalu diberi stigma sebagai kanak-kanak pekak dan bisu (Lokman Saim, 2004). Sehubungan itu, mereka dikelompokkan sebagai golongan yang perlu berbahasa isyarat tanpa mengendahkan potensi mereka menggunakan sisa pendengaran untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mendengar dan bertutur. Tanggapan seperti ini perlu diubah kerana tidak mustahil kanak-kanak bermasalah pendengaran juga boleh diajar kemahiran komunikasi melalui pertuturan seperti kanak-kanak tipikal.

Kebanyakan kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia mempunyai keupayaan pertuturan yang sangat rendah dan sebahagiannya yang tidak bercakap langsung atau mempunyai tahap pertuturan yang sangat minimum (Zulkhairi, Ramlah, Mohiuddin, 2013). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 mencatatkan bahawa KPM komited untuk menambah bilangan murid berkeperluan khas dalam model pendidikan inklusif berdasarkan amalan terbaik peringkat antarabangsa dan sedia ada. Sasaran adalah peningkatan sebanyak 30% murid berkeperluan khas termasuk murid bermasalah pendengaran mengikuti program inklusif pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, penghasilan pertuturan murid bermasalah pendengaran sukar difahami (Ross dan Giols; dalam Freeman, Carbin dan Boese, 1981). Oleh itu, dalam mencapai matlamat ini, pendekatan pertuturan perlu diberi penekanan dalam sistem pendidikan murid bermasalah pendengaran agar mereka selesa berkomunikasi secara lisan dan pertuturan mereka lebih difahami oleh masyarakat..

Kemahiran mendengar dan bertutur menyediakan asas yang kukuh bagi murid dan membolehkan mereka berkomunikasi secara lisan atau tulisan (Marohaini, 1999). Namun, murid yang menghadapi masalah pendengaran mungkin membentuk tingkah laku yang berbeza seperti mengelak untuk bercakap dengan orang lain, menjadi sensitif, memencilkan diri dan mencurigai orang lain. Tambahan pula, mereka mungkin mempunyai kesukaran untuk memperoleh corak pertuturan yang berkesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(Glenn et al. 1991). Usaha ibu bapa, guru, ahli profesional seperti terapi pertuturan dan audiologis sangat diperlukan untuk membantu golongan ini agar mereka dapat bersosial dengan lebih baik dan tidak merasa terpinggir dari masyarakat di sekeliling. Latihan bertutur dan mendengar bunyi-bunyi bahasa sedikit sebanyak akan membantu mereka memahami pertuturan.

Dalam memperkembangkan pertuturan, penekanan hendaklah diberikan kepada rangsangan lisan (Ling & Ling (1978) dalam Freeman, Carbin dan Boese, 1981). Untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan berbahasa, pengamal pendidikan dan ibu bapa perlu merangsang anak-anak dengan bunyi-bunyi bermakna dan galakan bahasa dengan menjelaskan apa yang didengar. Demi memastikan kejayaan program pertuturan, setiap individu mesti mengikuti satu hierarki kemahiran dalam aspek mendengar, bertutur, berfikir dan berkomunikasi (Simser, 1997). Kerap kali kanak-kanak dan keluarga mengalami kegagalan kerana sasaran yang ditetapkan terlalu sukar dan tidak mengikuti peraturan semula jadi. Menurut Dakin (1980), pengajaran pertuturan dalam bilik darjah mampu memberi murid kemahiran bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**1.3 Penyataan Masalah**

Kemahiran berbahasa melibatkan dua komponen besar iaitu penghasilan dan penerimaan (Kuder, 2003). Namun, kehilangan pendengaran merupakan satu ketidakupayaan yang memberikan kesan serius terhadap perkembangan bahasa lisan seseorang individu, tambahan pula jika ianya berlaku di kedua-dua telinga (Lokman, 2004). Kebolehan bertutur mengambil masa yang lama dan ianya perlu dimulakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



sejak awal dengan latihan yang berterusan. Murid-murid seharusnya dilatih untuk mendengar menggunakan sisa pendengaran mereka, menghasilkan bunyi bahasa seterusnya mendiskriminasikan bunyi-bunyi bahasa sebenar (Abdullah Yusoff, 1995). Prendergast et al. (2002) menyatakan bahawa kegagalan untuk mengadakan komunikasi berkesan pada umur muda mempunyai kesan negatif terhadap semua aspek perkembangan psikologi dan mental kanak-kanak bermasalah pendengaran. Saleena Yahya (1989) mendedahkan bahawa kebanyakan murid bermasalah pendengaran yang meninggalkan bangku sekolah masih belum menguasai bahasa secukupnya untuk menyampaikan kehendak asas apatah lagi untuk membincangkan isu-isu yang memerlukan ilmu pengetahuan dan membuat keputusan (Saadiah, 1997).

Pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran tidaklah sebaik murid-murid tipikal dan agak jauh jika dibuat perbandingan. Biasanya maklumat yang diterima banyak bergantung kepada penglihatan dan penglihatan manusia pula kadang kala agak terhad. Menurut Madinah et al. (2012), dalam sektor pekerjaan, majikan merasakan komunikasi adalah halangan utama bagi pekerja bermasalah pendengaran mengambil bahagian dalam sektor pekerjaan kerana dalam kebanyakan kes mereka memerlukan komunikasi lisan untuk menerima arahan, bertanya soalan dan sebagainya. Cabaran komunikasi adalah penggantungan kepada bahasa isyarat. Abdullah (1994) menyatakan kemampuan bahasa berbentuk non-verbal untuk menyatakan sesuatu hal yang mencakupi fikiran, penyampaian dan penurunan ilmu adalah terhad dan terbatas. Ini bermakna penggunaan bahasa isyarat oleh murid bermasalah pendengaran untuk berkomunikasi tidak dapat menyempurnakan fungsi asas bahasa sebagai alat komunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Golongan ini merupakan kumpulan minoriti yang menggunakan bahasa isyarat. Kaedah komunikasi menggunakan bahasa isyarat merupakan kaedah tertua yang digunakan oleh golongan bermasalah pendengaran (Abdullah, 1995). Isyarat ini berbeza-beza antara satu sama lain, apatah lagi jika dipisahkan oleh sempadan negara dan budaya. Hal ini menimbulkan kekeliruan dalam memahami dan mentafsirkan maklumat isyarat bukan sahaja bagi golongan bermasalah pendengaran malah ahli masyarakat dalam usaha memahami bahasa mereka. Penggunaan bahasa isyarat kadang kala mungkin amat sukar untuk menggambarkan sesuatu bahasa yang saintifik atau tinggi (Burgstahler, 2008). Mereka sering bermasalah ketika berurusan atau mendapatkan rawatan hospital serta memberi keterangan di balai polis kerana tidak ramai masyarakat yang memahami bahasa isyarat. Memang tidak dapat dinafikan bahasa isyarat penting dalam komunikasi murid bermasalah pendengaran tetapi sisa pendengaran mereka perlu digembeleng untuk mengajar mereka bertutur (Mohd Hanafi, 2008).

Murid-murid bermasalah pendengaran sukar untuk memahami dan melafazkan sesuatu perkataan, keliru terhadap nama, bentuk dan bunyi-bunyi huruf (Mat Daud Yusof, 1990). Selain itu, murid bermasalah pendengaran tidak dapat menyatakan sesuatu yang abstrak dengan jelas kerana kesukaran membentuk isyarat. Jamila, Mohd Hanafi dan Rosadah (2012) dalam kajiannya terhadap murid prasekolah bermasalah pendengaran mendapati pengajaran guru masih lagi bercorak tradisional iaitu masih menggunakan kaedah hafalan, latih tubi dan terhad kepada perkataan tertentu sahaja. Murid berusaha mengingat abjad, perkataan dan kod yang betul dalam bentuk pembelajaran yang formal tetapi proses interaksi sosial dan lisan diabaikan. Keterhadan perkataan yang diajar menyebabkan perbendaharaan kata mereka terhad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dan apa yang dipelajari tidak dikaitkan dengan konteks sebenar. Dalam erti kata lain, guru terkongkong dengan hasrat murid menguasai kod bagi sesuatu perkataan namun pembelajaran yang bermakna kurang diberi penekanan. Oleh yang demikian, pertuturan murid semakin lenyap akibat kurangnya penekanan untuk bertutur dan berkomunikasi secara lisan.

Isu ketidakcukupan kod pula merujuk kepada keadaan di mana kod tidak ada bagi merujuk kata dalam bahasa Melayu terutama berkaitan dengan istilah-istilah tertentu (Abdullah, 2004). Walaupun murid-murid tidak perlu mengetahui semua kosa kata dalam kamus tetapi kekurangan kod ini amat menyukarkan guru dan murid bermasalah pendengaran untuk memahami kurikulum persekolahan. Penekanan kemahiran bertutur penting agar hubungan sosial dan minda mereka berkembang. Penciptaan alat bantu dengar ini bukanlah menyembuhkan tetapi ianya dapat membantu untuk meningkatkan keupayaan mendengar serta mengurangkan kesan kehilangan pendengaran mereka.

Kanak-kanak bermasalah pendengaran cenderung mempunyai kecerdasan emosi yang rendah kerana ketidakmampuan bertutur atau menyatakan emosinya kepada ibu bapa atau orang lain (Terwogt & Rieffe, 2004). Dalam aspek psikologi, kajian terhadap individu bermasalah pendengaran agak kurang dilaksanakan kerana penggunaan bahasa isyarat yang sukar difahami menjadi halangan untuk mereka berkomunikasi dengan ahli psikologi (Munro, Knox dan Lowe, 2005). Kajian Paridah (1991), mendapati penggunaan bahasa isyarat hanya memungkinkan murid-murid bermasalah pendengaran berkomunikasi dalam kelompok mereka sahaja. Adakalanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mereka menggunakan isyarat semula jadi yang hanya difahami oleh kelompok mereka sahaja.

Selain itu, personaliti dan kemahiran sosial pekerja bermasalah pendengaran agak lemah. Ini selari dengan kajian Nasuriyana (2000) berkaitan sosialisasi murid bermasalah pendengaran di program integrasi mendapati 63.04% murid bermaslah pendengaran mengatakan enggan menjalankan aktiviti bersama murid tipikal dan 90% guru pendidikan khas bersetuju bahawa komunikasi merupakan satu halangan bagi mereka untuk bersosialisasi. Sahran Sulaiman (1992) menyatakan bahawa kehilangan pendengaran yang dihadapi oleh seseorang individu itu menjejaskan pelbagai aspek kehidupan mereka iaitu dari segi pertuturan, perkembangan bahasa serta mempengaruhi kehidupan sosial mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Mood dan Geers (1979) mendapati kanak-kanak bermasalah pendengaran yang berusia antara 5 hingga 9 tahun mengalami perkembangan bahasa yang jauh ketinggalan berbanding kanak-kanak normal yang berusia 4 tahun. Kesukaran menguasai bahasa lisan memerlukan kaedah tertentu bagi mengatasi masalah tersebut iaitu intervensi atau latihan pemulihan pertuturan. Bernstein, Goldstein & Mahshie (2002) menyatakan kanak-kanak bermasalah pendengaran lebih mudah menghasilkan fonem hadapan seperti /b/, /p/, /m/, /w/ daripada konsonan belakang seperti /g/ dan /kh/. Ini mungkin disebabkan konsonan hadapan lebih mudah dilihat melalui bentuk bibir. Oleh itu, Modul S.I peringkat asas ini digunapakai kerana ia lebih menekankan kepada konsonan yang mudah dilihat dan dikuasai oleh murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Isu yang timbul dalam Pendidikan Khas ialah sejauh mana terapi tambahan yang disediakan bertepatan dengan keperluan mereka. Salah satu terapi tambahan yang semestinya disediakan kepada murid Pendidikan Khas adalah terapi pertuturan. Justeru, kesukaran menguasai pertuturan, penggunaan isyarat tanpa lisan, kekurangan pakar, pertuturan yang kurang jelas dan kesukaran berkomunikasi atau bersosialisasi dengan masyarakat menyebabkan perlu wujudnya kaedah atau pendekatan pertuturan yang seragam yang boleh digunapakai untuk membantu murid bermasalah pendengaran meningkatkan keupayaan bertutur.

## 1.4 Tujuan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat kesan intervensi latihan pemulihan pertuturan terhadap sebutan murid bermasalah pendengaran yang memakai alat bantuan pendengaran menggunakan Modul Syahrulikram (Modul S.I).

## 1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan di atas, maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

1.5.1 Mengenal pasti masalah sebutan yang dihadapi oleh murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.5.2 Merancang dan melaksanakan satu program pengajaran intervensi pemulihan pertuturan untuk murid-murid bermasalah pendengaran yang dipilih.

1.5.3 Mengenal pasti sama ada terdapat perubahan keupayaan murid bermasalah pendengaran menyebut perkataan dengan lebih jelas apabila mengikut program intervensi pemulihan pertuturan.

**1.6 Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.1 Apakah masalah sebutan yang dihadapi oleh murid bermasalah pendengaran yang dipilih?

1.6.2 Bagaimanakah bentuk program intervensi pemulihan pertuturan menggunakan Modul S.I yang telah dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah pertuturan murid bermasalah pendengaran yang dipilih?

1.6.3 Adakah terdapat perubahan keupayaan murid menyebut perkataan selepas menjalani intervensi pemulihan pertuturan menggunakan kaedah S.I ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.7 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan kajian ini adalah disebabkan kajian-kajian yang dijalankan dalam bidang pendengaran kebanyakannya memfokuskan kepada pencapaian akademik murid bermasalah pendengaran dan kurangnya penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan di negara kita, berkaitan dengan pertuturan murid bermasalah pendengaran di sekolah. Perkara ini sering dipandang ringan dan sering dianggap satu perkara kecil. Namun begitu, ia mampu memberikan impak yang amat besar kepada golongan bermasalah pendengaran. Pada asasnya, kerencatan lisan dan pertuturan dalam kalangan murid-murid bermasalah pendengaran boleh mengarah kepada beberapa rangkaian kecacatan yang lain. Oleh yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat mengupas kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam melaksanakan program pendidikan yang bersesuaian untuk murid bermasalah pendengaran agar penambahbaikan dapat dibuat mengikut saluran yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.1 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sedikit maklumat kepada pihak KPM tentang permasalahan bahasa dan pertuturan yang menganggu proses pembelajaran murid-murid bermasalah pendengaran. Kajian ini juga diharapkan dapat mengupas keperluan kolaborasi dengan kumpulan pelbagai disiplin seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Pelajaran Malaysai (KPM) dalam meningkatkan aksesibiliti dan kualiti pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran. Kerjasama ini amat penting terutama dalam aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengesanan dan keperluan intervensi awal yang bersesuaian seperti pemakaian alat bantu pendengaran dan terapi pertuturan. Oleh yang demikian, diharapkan pihak KPM dapat merancang kurikulum dan perkhidmatan yang lebih relevan dan komprehensif termasuklah mengkaji semula dari aspek latihan guru dalam pertuturan agar potensi murid bermasalah pendengaran dapat ditingkatkan ke tahap yang optimum.

### 1.7.2 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Dalam memastikan kejayaan murid-murid bermasalah pendengaran, semua pihak perlu seiring dan saling bekerjasama dalam membantu murid-murid memperkembangkan potensi mereka. Diharapkan kajian ini dapat membuka mata semua pihak untuk lebih berusaha meningkatkan kerjasama antara satu sama lain ke arah menginklusifkan murid-murid bermasalah pendengaran agar mereka juga berupaya menjadi penyumbang kepada negara. Pihak JPN dan PPD juga perlu bertindak dengan mewujudkan kerjasama dan mengadakan pelbagai program yang melibatkan ibu bapa, pihak KKM, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi yang berkaitan ke arah memastikan murid-murid bermasalah pendengaran mendapat hak pendidikan yang sewajarnya. Ini selaras dengan Laporan Dialog Nasional Pendidikan Negara 2012 yang mencadangkan JPN juga perlu mengadakan kolaborasi untuk membantu guru memahami masalah murid-murid pendidikan khas dan mengadakan latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.7.3 Guru Pendidikan Khas

Dalam pengajaran dan pembelajaran, guru bukan hanya penyampai ilmu pengetahuan malahan ia juga sebagai pembimbing yang perlu peka terhadap keperluan anak didiknya. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber tambahan dan membuka minda pendidik serta individu lain untuk mengaplikasikan pendekatan ini dalam usaha menambahkan pengetahuan, kemahiran serta memperbaiki kelemahan ke arah melahirkan murid-murid bermasalah pendengaran yang dapat berkomunikasi secara verbal dan menyumbang kepada pembangunan negara selaras dengan aspirasi negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan seterusnya Falsafah Pendidikan Khas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.4 Sekolah, Ibu Bapa dan Komuniti

Komuniti merupakan entiti penting yang boleh membantu menghasilkan modal insan yang berkualiti dan boleh menyumbang kepada agama, bangsa dan negara. ‘*Intergrating the curriculum’* dengan melibatkan ibu bapa contohnya jurupulih pertuturan ke sekolah untuk memberi ceramah tentang terapi pertuturan dapat membantu pihak guru di sekolah untuk lebih memahami tentang keperluan murid-murid bermasalah pendengaran. Oleh yang demikian, penglibatan komuniti dan peranan ibu bapa dalam mewujudkan kerjasama dengan sekolah boleh membantu mengatasi masalah anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Pembentukan kerangka konseptual kajian adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada pengkaji untuk membina dan seterusnya menjawab soalan-soalan kajian. Pemilihan skop kajian ini dibuat adalah kerana pengkaji ingin melihat kesan latihan pemulihan pertuturan dalam meningkatkan kelancaran sebutan murid bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah. Pengkaji menggunakan Buku Membaca Dengan Modul S.I sebagai instrumen untuk melatih empat orang responden memperbaiki sebutan mereka. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan teori behavioris dan model Gough bagi menjelaskan kajian ini dengan lebih mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan ke atas murid bermasalah pendengaran yang menggunakan alat bantu dengar. Modul S.I digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Modul S.I merupakan sebuah buku yang ditulis oleh Mohd Syahrulikram Mohd Yasin dan Nur Azizah Nurdin yang merupakan patologis pertuturan dan bahasa. Buku ini digunakan untuk mengajar pertuturan murid bermasalah pendengaran menggunakan kaedah fonetik dan secara tidak langsung ia dapat memberikan kemahiran membaca kepada mereka. Kaedah ini merupakan kaedah mengenali dan mengingati satu huruf dengan satu bunyi. Kanak-kanak akan menghubungkan lambang huruf dengan bunyi tanpa menyebut huruf (Meyer dan Rose, 1998). Bagi tujuan ini, gabungbunyi adalah dengan menggabungkan satu bunyi konsonan dengan bunyi vokal yang membentuk suku kata, dan gabungan suku kata membentuk perkataan. Instrumen latihan yang digunakan didasari oleh model Gough iaitu kaedah *bottom-up*, di mana murid akan dilatih tentang konsep hubungan huruf dan bunyi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



seterusnya suku kata dan perkataan. Abdullah dan Che Rabia'ah (2004) juga menyokong bahawa kaedah ini dapat membantu murid bermasalah pendengaran menguasai bahasa.

Alam belajar seseorang mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran individu secara optimum. Kecenderungan dan minat individu serta sokongan yang diterima turut membantu pembelajaran seseorang. Pengajaran dan pembelajaran yang baik lagi berkesan tidak akan berlaku tanpa perancangan yang rapi (Noriati, Boon & Sharifah Fakhriah, 2012). Berdasarkan kerangka konsep kajian, pengkaji cuba menyelidik tentang kesan intervensi latihan pemulihan pertuturan yang terancang terhadap murid bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah kerana ketidakupayaan murid menggunakan bahasa lisan memberi impak besar dalam proses pendidikannya (Abdullah dan Che Rabiaah, 2014) dan murid bermasalah pendengaran sering kali menghadapi masalah mengikut arahan dan sering salah faham.

Menurut teori behavioris, kanak-kanak mempelajari bahasa melalui peniruan dan peneguhan. Aplikasi teori behaviorisme, khususnya pelaziman operan dapat dimanfaatkan untuk membentuk dan mengubah tingkah laku serta mempelajari sesuatu yang baharu melalui pengulangan, latihan dan latih tubi serta peneguhan yang akan meneguhkan tingkah laku (Noriati, Boon dan Sharifah Fakhriah, 2012). Aliran behaviorisme menganggap pembelajaran bahasa merupakan penguasaan satu kebiasaan yang diperolehi dengan melakukan aktiviti yang hendak dikuasai itu berulang-ulang (Kamaruddin, 1995). Teori ini berasaskan cara pemerolehan bahasa pertama seorang kanak-kanak. Seseorang kanak-kanak memperolehi bahasa daripada ibu bapa dan ahli keluarganya yang lain melalui proses peniruan yang berulang-ulang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




sejak dia mula menyebut bunyi, perkataan seterusnya membentuk ayat. Bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran pendedahan awal terhadap pertuturan pastinya dapat memperkembangkan bahasa mereka. Proses pengulangan yang berlaku akan mengukuhkan kemahiran tersebut. Golongan behavioris menekankan aspek lisan kerana mereka berpendapat bahasa penting sebagai alat komunikasi. Menurut Skinner, bahasa adalah proses perilaku, hasil daripada operasi rangsangan dan gerak balas yang bergantung kepada ciri-ciri naluri dan manusia mempunyai alat-alat biologis yang boleh berfungsi melahirkan bahasa dan manusia menggunakannya untuk berhubung.

Oleh itu, pengkaji berharap dapatan kajian ini dapat memberi satu panduan dan ianya dapat membantu pelbagai pihak supaya keperluan dan kepentingan latihan pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran tidak diabaikan. Diharapkan juga, kajian ini akan dapat membuka mata dan pemikiran semua pihak dalam merancang dan menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan mereka serta memenuhi aspirasi negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.1* : Kerangka Konseptual Kajian

## 1.9 Skop Kajian

Kajian tentang keberkesanan latihan pemulihan pertuturan dalam meningkatkan sebutan murid-murid bermasalah pendengaran ini dijalankan ke atas empat orang murid yang menggunakan alat bantu pendengaran di sebuah Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pendengaran sekolah menengah di Kuala Lumpur. Pemilihan sampel dibuat secara persampelan bertujuan yakni pemilihan adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Proses memilih sampel kajian juga tidak berdasarkan kepada jantina, bangsa dan umur tetapi penggunaan teknologi bantuan pendengaran yang berfungsi dengan baik.

## 1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus ke atas murid sekolah menengah yang menghadapi bermasalah pendengaran dan tidak mempunyai kecacatan lain. Kajian ini dijalankan sebanyak 10 sesi latihan dan setiap sesi mengambil masa selama 30 minit menggunakan Buku Membaca Dengan Kaedah S.I. Latihan pemulihan pertuturan ini meliputi huruf vokal a, i, u, o, e, e dan konsonan h, y, w, l, b, p. Pemilihan fonem dan konsonan ini adalah berdasarkan kepada buku Modul S.I peringkat 1 iaitu peringkat kemahiran asas. Fonem-fonem vokal ini merupakan fonem yang biasa digunakan dalam perkataan bahasa Melayu standard.

Manakala pemilihan konsonan pula melibatkan konsonan yang dihasilkan di bibir dan dapat dilihat dengan jelas adalah lebih mudah dikuasai dibandingkan dengan konsonan yang dihasilkan di dalam mulut (Haycock, 1961). Ling (1989) menyokong dengan menyatakan bahawa bagi memulakan latihan pertuturan, perlu dimulakan dengan bunyi yang mudah didengar, dilihat atau dirasai oleh kanak-kanak dan bunyi yang dihasilkan di bahagian hadapan mulut. Selain itu, intervensi harus dirancangkan dari peringkat mudah ke peringkat susah agar murid tidak merasa terkejut dengan tugas yang sukar pada awal lagi dan mungkin akan cepat berputus asa apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mengalami kegagalan (Ling, 1989). Peluang merasai kejayaan akan dapat meningkatkan motivasi murid untuk melakukan tugasan yang lebih sukar.

Ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan juga mengandungi senarai 50 patah perkataan yang merupakan gabungan antara vokal dan konsonan yang terdapat dalam buku S.I peringkat asas atau peringkat 1. Buku Membaca Dengan Modul S.I ini sememangnya ditulis untuk mengajar bacaan dan pertuturan murid bermasalah pendengaran dan ianya telah digunapakai oleh kebanyakan patologis pertuturan-bahasa, ibu bapa dan guru-guru sekolah.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengajaran pertuturan memerlukan masa yang agak panjang untuk melihat keberkesanannya. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya dijalankan sebanyak sepuluh sesi sahaja dalam masa 30 minit setiap sesi, lebih kurang empat bulan memandangkan masa yang agak terhad. Selain itu, pemilihan responden dari segi umur dan pendidikan adalah tidak setara. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya menggambarkan apa yang berlaku dalam lingkungan fonem-fonem berkaitan, responden yang terlibat dan dalam tempoh kajian ini sahaja.

## 1.11 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan untuk kefahaman yang lebih mendalam terhadap maksud yang ingin digambarkan. Penjelasan istilah dalam kajian ini adalah maksud intervensi, pemulihan pertuturan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dan murid bermasalah pendengaran akan dapat membantu melengkapkan huraian kajian. Berikut adalah beberapa huraian berkaitan dengan istilah-istilah tersebut.

### 1.11.1 Intervensi

Terdapat pelbagai takrifan intervensi yang disesuaikan mengikut konteks perlaksanaannya. Heward (1996) menyatakan bahawa intervensi merupakan satu aktiviti untuuk semua usaha yang dilakukan terhadap individu yang bermasalah. Matlamat sesuatu intervensi adalah untuk menghapuskan atau setidak-tidaknya mengurangkan halangan dan kesan yang mungkin wujud pada seseorang yang mana masalah tersebut mungkin akan menghalangnya untuk aktif di sekolah atau di dalam masyarakat. Merujuk kepada Freeman (1998), intervensi adalah satu pengajaran semula dan merupakan pengajaran yang terancang berdasarkan siasatan tentang kelemahan-kelemahan yang ada pada murid. Manakala Pua (2005) menyatakan bahawa intervensi merujuk kepada sebarang kegiatan yang disengajakan berunsur pendidikan atau pengajaran yang dilakukan untuk membantu kanak-kanak mengurangkan kesan daripada ketidakupayaan yang dialami. Intervensi boleh dilakukan sama ada di sekolah, di rumah atau mana-mana sahaja.

Keputusan untuk melakukan intervensi mestilah berdasarkan bukti-bukti yang menunjukkan tanda-tanda bahawa sesuatu kemahiran itu belum dikuasai murid. Dalam kajian ini, intervensi merujuk kepada intervensi pemulihan pertuturan bagi membantu murid-murid bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah yang memakai alat bantu pendengaran membetulkan sebutan dengan lebih baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menggunakan Modul Syahrulikram (Modul S.I). Intervensi dalam kajian ini dihadkan kepada fonem dan perkataan yang dipilih oleh pengkaji sahaja. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini dilaksanakan secara berstruktur dan terancang dan dikendalikan oleh seorang guru yang terlatih ke atas satu kumpulan atau seorang murid berdasarkan matlamat yang telah ditetapkan. Kejayaan pencapaian matlamat pengajaran diukur berasaskan penilaian secara individu setiap murid.

### 1.11.2 Pemulihan Pertuturan

Pemulihan adalah hal atau perbuatan untuk memulihkan sesuatu (Dewan Bahasa, 2005). Pertuturan adalah bahasa yang dihasilkan melalui alat artikulasi manusia (Siti Hajar, 2011) dan ia merupakan satu saluran yang membolehkan kita meluahkan perasaan atau rasa hati. Tanpanya kita akan kehilangan daya komunikasi yang paling penting untuk berkomunikasi bersama keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekelilng. Ia juga melibatkan perpaduan bunyi dengan perkataan, mencantum perkataan kepada unit dan meluahkannya dalam bentuk bunyi yang mempunyai makna. Oleh itu, ia dapat disimpulkan sebagai simbol-simbol yang diwakili oleh bunyi dalam bentuk bahasa yang formal yang bertujuan untuk pertukaran idea. Dalam kajian ini, pemulihan pertuturan merujuk kepada latihan untuk memperbaiki sebutan murid-murid bermasalah pendengaran ke arah yang lebih baik iaitu sebutan yang lebih jelas dan difahami oleh orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.11.3 Murid-murid Bermasalah Pendengaran

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (2005:1,161) mendefinisikan pekak sebagai tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar dengan baik. Penggunaan istilah pekak atau cacat pendengaran dianggap sesetengah pihak sebagai satu ungkapan yang agak negatif. Oleh itu, penggunaan istilah bermasalah pendengaran lebih diterima pakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pendidikan Khas 2007).

Dari segi fisiologi, pekak dikategorikan berdasarkan punca dan darjah kebolehan mendengar yang juga mempunyai hubungkait dengan anatomi telinga dan saraf auditori. Walaupun kanak-kanak dikategorikan pekak, namun ia masih mempunyai sisa pendengaran yang boleh dimanfaatkan dengan alat bantu pendengaran atau koklea implant. Menurut Ross dalam Heward (2000), kebanyakan kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran masih mempunyai sisa pendengaran yang boleh digunakan untuk menguasai pertuturan melalui pengalaman dan latihan yang berulang.

Audiometer digunakan untuk mengukur darjah kehilangan pendengaran. Ukuran kehilangan pendengaran ditentukan mengikut keupayaan individu mendengar kekuatan bunyi yang diukur mengikut ukuran desibel (dB). Semakin tinggi nilai dB semakin teruk bermasalah pendengaran yang dihadapi oleh seseorang individu. Mengikut Jabatan Audiologi dan Sains Pertuturan, HUKM (1999), tahap pendengaran 0-20dB (normal), 21-45dB (ringan), 46-70dB (sederhana), 71-90dB (teruk) dan 91dB ke atas (sangat teruk). Dalam kajian ini, murid bermasalah pendengaran terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dalam intervensi ini adalah dalam kalangan yang menghadapi masalah pendengaran antara 71dB hingga 91dB ke atas dan menggunakan alat bantu dengar yang berfungsi dengan baik.

## 1.12 Kesimpulan

Di dalam bab ini, pengkaji menerangkan tentang latar belakang murid-murid bermasalah pendengaran Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah pendengaran, masalah dan keperluan mereka. Seterusnya objektif dan persoalan kajian dibentuk daripada pernyataan masalah yang diutarakan. Isu-isu yang berkaitan dengan penggunaan alat bantu pendengaran, sosialisasi dan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran juga dikemukakan untuk menyokong permasalahan kajian ini. Penekanan dalam kajian ini adalah tentang latihan pertuturan yang berterusan dan sistematik disokong dengan pemakaian alat bantu pendengaran ke arah mempertingkatkan keupayaan murid bermasalah pendengaran menyebut perkataan. Berdasarkan pernyataan masalah, objektif dan persoalan kajian, pengkaji dapat menjadikannya sebagai garis panduan untuk melaksanakan penyelidikan yang dirasakan amat penting bagi mempertingkatkan potensi murid bermasalah pendengaran agar mereka juga dapat mencapai kecemerlangan dan menyumbang kepada pembangunan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelan Tindakan 2012 mencadangkan lima bidang dalam pendidikan khas diberi perhatian. Bidang-bidang ini juga di antara aktiviti utama dalam dokumen Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): Health Care of Persons with Disabilities 2011-2020". Pelan Tindakan ini dibentuk selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU), Akta OKU dan *Convention on the Right of Persons with Disabilities.* Di antara lima bidang tersebut adalah pencegahan dan pengesanan awal kecacatan, pembangunan sumber manusia (soft skills) dalam pengendalian OKU, perkhidmatan di institusi dan sokongan komuniti, perkhidmatan kesihatan dan rehabilitasi di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti serta penggalakkan kajian. Pelan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan program pencegahan dan pengesanan awal kecacatan. Ianya memberi maklumat awal kepada ibu bapa dalam mencegah dan mengenal pasti ketidakupayaan anak mereka. Langkah ini dianggap satu langkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang baik memandangkan intervensi awal sangat penting dalam meningkatkan potensi OKU.

## 2.2 Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran

Masalah pendengaran merupakan satu penyataan umum yang melibatkan tahap kecacatan yang meliputi tahap ringan ke tahap teruk. Walau apa pun penyataannya, namun satu ciri yang sering dipersetujui bersama ialah golongan yang menghadapi masalah pendengaran lazimnya menghadapi masalah mendengar bunyi-bunyi bahasa dan ini memberikan impak yang besar terhadap kebolehan berbahasa dan pencapaian akademik mereka (Faridah, Norhiza, Zairinah, 2014). Sebelum penggunaan istilah 'bermasalah pendengaran', istilah pekak, tuli, cacat pendengaran dan pekak bisu sering digunakan terhadap golongan ini yang membawa stigma negatif dan kurang disenangi masyarakat (Safani, Manisah, Norani, Aliza, 2003). Namun, dalam bidang perubatan dan pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran dikategorikan mengikut tahap pendengaran yang diukur dalam unit decibel (dB).

Golongan bermasalah pendengaran adalah sebahagian daripada ahli komuniti (Safani dan Salleh, 2000). Menurut laporan tahunan Bahagian Pendidikan Khas (BP Khas) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), jumlah murid-murid bermasalah pendengaran yang mengikuti persekolahan mengikut enrolmen 30 Jun 2014 adalah seperti di dalam jadual berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 2.1

*Enrolmen Program Pendidikan Khas Integrasi Di Malaysia Seperti Pada 30 Jun 2014*

| **Peringkat** | **Lelaki** | **Perempuan** | **Jumlah** |
|---|---|---|---|
| Pra | 9 | 4 | 13 |
| Rendah | 246 | 194 | 440 |
| Menengah | 456 | 363 | 819 |
| **Jumlah** | **869** | **665** | **1534** |

*Sumber :* Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2014

Berdasarkan jadual 2.1, jumlah murid bermasalah pendengaran di peringkat prasekolah pada tahun 2014 adalah seramai 13 orang, peringkat rendah 440 orang dan peringkat menengah seramai 819 orang. Jumlah keseluruhan murid pendidikan khas bermasalah pendengaran tahun 2014 adalah seramai 1,534 orang yang berada di program pendidikan khas integrasi bermasalah pendengaran.

Masalah pendengaran yang dihadapi oleh seseorang murid walau di tahap mana keterukannya sedikit sebanyak menjejaskan kehidupan mereka. Kajian Safani Bari et al. (2005) mendapati daripada 316 orang murid yang diambil sebagai sampel, 134 (42.4%) berada pada tahap pendengaran yang sangat teruk, 105 (33.2%) tahap teruk dan hanya 39 orang murid yang pada tahap pendengaran sederhana. Ini menunjukkan bahawa jumlah terbesar murid yang berada dalam sistem persekolahan masa kini mengalami bermasalah pendengaran teruk hingga sangat teruk (71dB ke atas) dan memerlukan teknologi sokongan pendengaran serta lain-lain perkhidmatan yang bersesuaian, misalnya terapi pertuturan dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Masalah pendengaran sebenarnya merupakan suatu bentuk kecacatan yang menyukarkan manusia untuk memahami pertuturan melalui deria pendengaran iaitu telinga. Hallahan & Kauffman (1991) menyatakan golongan bermasalah pendengaran biasanya tidak dapat mendengar pada satu tahap atau intensiti yang diukur dalam unit decibel (dB). Smith (2004), pula menjelaskan bahawa *decibel* (dB) merupakan kekuatan sesuatu bunyi yang diuji untuk melihat tahap pendengaran. Kekuatan sesuatu bunyi yang diuji ke telinga biasanya dari skala 0dB sehingga 120dB.

## 2.3 Teori Dan Model Berkaitan Kajian

### 2.3.1 Teori Pemerolehan Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemerolehan bahasa merujuk kepada proses yang berlaku di dalam otak kanak-kanak semasa memperoleh bahasa pertama. Perkembangan bahasa bagi seorang kanak-kanak sangat penting kerana bahasa merupakan pemangkin perkembangan kanak-kanak tersebut. Bahasa didefinisikan sebagai simbol dalam masyarakat untuk berkomunikasi (Harris & Hodges, 1995). Bahasa merupakan satu-satunya alat komunikasi bagi manusia dan diperlukan untuk menjayakan komunikasi yang berkesan dalam kalangan insan yang sempurna. Bahasa juga diperlukan oleh golongan bermasalah pendengaran dalam komunikasi harian mereka.

Pembelajaran merupakan perubahan dalam diri seseorang individu akibat daripada pengalaman. Manusia belajar sejak ia dilahirkan dan semua pembelajaran ini berkait dengan pengalaman (Slavin, 2005). Biasanya kanak-kanak memperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bahasa secara berperingkat-peringkat sejak bayi lagi. Mereka hanya perlu didedahkan kepada penggunaan bahasa dan kanak-kanak akan terus memperoleh sesuatu bahasa. Menurut Asmah Haji Omar (1981), bahasa ialah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia lain dengan menggunakan alat-alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak berbeza walaupun umur mereka sama. Faktor persekitaran, budaya, dan keluarga serta masyarakat setempat mempengaruhi kadar pemerolehan tersebut.

Proses pertumbuhan dan perkembangan berlaku dalam situasi saling berkait dan meliputi perubahan dari segi fizikal, kognitif, emosi dan sosial. Menurut Faridah, Norhiza dan Zairinah (2014), pada usia 6 bulan, bayi mula membunyikan dua suku kata seperti ‘mama’, ‘papa’, usia 9-10 bulan mula ‘*babbling*’ namun percakapan yang tidak jelas maknanya, 12 bulan kemampuan menyebut perkataan meningkat kepada dua atau tiga patah perkataan berulang-ulang, usia 18 bulan mula memahami banyak patah perkataan dan usia 24 bulan kanak-kanak mula membina ayat mudah menggunakan dua atau tiga patah perkataan. Rangsangan visual dan pendengaran harus diberikan kerana sel-sel neuron otak sedang pesat menerima maklumat pada masa ini. Namun, golongan yang menghadapi masalah pendengaran tidak dapat mengalami proses ini secara semula jadi dan mereka perlu dibantu yakni diberi intervensi lebih awal supaya perkembangan mereka tidak terbantut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 2.3.2 Teori Behaviorisme

Ahli psikolinguistik yang mengikut aliran behaviorisme menghuraikan pertalian psikologi dan bahasa dengan menggunakan pendekatan yang dapat dilihat secara langsung. Golongan ini menganggap faktor-faktor persekitaran sebagai rangsangan dan tindak balas organisme pada rangsangan iaitu tingkah laku adalah gerak balas. Teori ini menekankan bahawa bahasa adalah perangai dan individu lebih banyak belajar melalui pengalaman daripada melalui otaknya (Kamarudin Husin, 1998).

Teori ini dipelopori oleh Skinner (1938) yang menekankan kepentingan persekitaran dalam pembelajaran bahasa yang berlandaskan Teori Pelaziman Operan iaitu rangsangan yang bersandarkan pemberian ganjaran dan peneguhan. Beliau menekankan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak merupakan hasil daripada pengulangan yang berterusan sehingga kanak-kanak memperoleh sesuatu kata. Proses pengulangan memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan bahasa kerana bahasa yang sering diulang cepat dipelajari oleh kanak-kanak. Ganjaran diberikan sebagai galakan setiap kali kanak-kanak dapat meniru atau menyebut perkataan yang diajar dan untuk mengukuhkan sesuatu perlakuan bahasa yang betul.

Menurut Skinner, manusia secara semula jadi dilahirkan dengan keupayaan mempelajari bahasa. Kebolehan atau keupayaan bertutur ialah satu bentuk perlakuan bahasa manusia yang terbentuk berdasarkan prinsip Teori Behaviorisme iaitu rangsangan tindak balas. Dari segi pembelajaran bahasa, golongan ini menekankan kepentingan pengaruh persekitaran. Teori ini juga mengatakan bahawa sesuatu ujaran terbentuk kerana wujud rangsangan dalam bentuk-bentuk bahasa atau bukan bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Contohnya, seseorang kanak-kanak bertutur kerana ada orang bercakap dengannya ataupun kanak-kanak itu perlu bercakap untuk memenuhi keperluan asasinya. Golongan ini juga berpendapat bahasa dapat dikuasai melalui pembelajaran formal dan tidak formal. Mereka mengatakan bahawa kemahiran bertutur juga merupakan satu lakuan manusia sama seperti lakuan lain. Pembelajaran berlaku jika ada rangsangan dan tindak balas yang berulangan. Pengukuhan dianggap sebagai asas dalam proses pembelajaran. Pengukuhan yang kerap akan mengukuhkan pembelajaran.

Kesimpulannya, Teori Behaviorisme berlaku apabila pemerolehan bahasa dikuasai daripada pelaziman atau pengulangan. Galakan dan ganjaran menyokong penguasaan bahasa kanak-kanak di samping persekitaran yang memainkan peranan penting dalam membantu kanak-kanak menguasai bahasa. Aktiviti latih tubi dan latihan berulang kali amat penting dijalankan untuk membolehkan pemerolehan bahasa berlaku sehingga menjadi amalan kebiasaannya. Oleh yang demikian, murid-murid hendaklah diberi peluang untuk berlatih berulang kali bagi membentuk tabiat dalam diri dan menggunakan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Hal ini bermakna, bahasa dikuasai melalui proses pengulangan kerana teori ini beranggapan penguasaan bahasa merupakan proses mekanis yang tiada kena mengena dengan fikiran atau daya ingatan dan mental manusia. Dalam kajian ini, amalan latihan pemulihan pertuturan ini dijalankan secara berstruktur, sistematik dan berterusan menggunakan modul pertuturan diikuti penekanan kepada proses pengulangan atau latih tubi.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 2.3.3 Model Bawah Ke Atas

Gough (1972, 1985) merupakan seorang yang mengutarakan model membaca Bawah ke Atas dalam bukunya '*One Second of Reading'* menyatakan bahawa membaca merupakan satu proses yang berurutan atau proses mental yang bersiri. Beliau menyatakan bahawa membaca bermula daripada proses terjemahan huruf kepada bunyi pertuturan dan kemudian bunyi digabungkan untuk membentuk perkataan yang bermakna. Nunan (2001) dalam pemerhatiannya terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar bukan penutur asli bahasa Inggeris mendapati kaedah membaca secara 'top-down' dan 'bottom-up' amat berkesan.




Rajah 2.1 : *Rajah Model Bawah ke Atas*

Modul S.I ini didasari oleh model tradisional (behavioris) Bawah ke Atas iaitu kaedah yang bermula dengan pembelajaran tentang bunyi fonem, diikuti suku kata dan perkataan. Buku ini direka khas untuk mengajar pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran dengan memperkenalkan bunyi vokal diikuti gabungan bunyi VV, VVV, KV, VKV, KVKV, VK dan KVK dan secara tidak langsung murid dapat menguasai kemahiran membaca menggunakan kaedah fonetik. Setelah murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menguasai gabungan bunyi vokal dan konsonan serta suku kata yang disasarkan, murid diperkenalkan dengan perkataan yang mengandungi gabungan huruf vokal a, e, i, o, u, e dan konsonan h, y, w, l, b, p. Aktiviti latih tubi dan pengulangan dilaksanakan dalam intervensi pemulihan pertuturan ini.

## 2.4 Kerangka Teoritikal Kajian

Secara umumnya, hampir semua kanak-kanak boleh bertutur dengan baik sebelum memasuki alam persekolahan yang formal. Kemahiran bertutur perlu dimiliki oleh setiap pengguna bahasa untuk membolehkannya berkomunikasi dengan berkesan. Namun, murid bermasalah pendengaran biasanya mengalami kerencatan bahasa dan pertuturan (Uma, 2001; Nor Azila, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengkaji telah memilih untuk menggunakan teori behavioris tentang pelaziman operan. Walaupun Thorndike memulakan kajian tentang pelaziman operan, seorang pakar psikologi tingkah laku iaitu Skinner berjaya mempopularkannya. Kajian Skinner melibatkan peralatan Kotak Skinner yang direka khas untuk menunjukkan konsep pelaziman operan. Beliau menjalankan eksperimen ke atas tikus yang melakukan tingkah laku yang sama dan diteguhkan melalui pelaziman operan. Dalam proses pelaziman operan, dua bentuk peneguhan sering digunakan iaitu peneguhan positif dan negatif. Peneguhan positif ialah rangsangan yang diberi selepas berlakunya sesuatu tingkah laku yang dikehendaki. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan teori ini sebagai asas kajian di mana latihan pertuturan ini dilaksanakan berulang-ulang ke arah meningkatkan sebutan murid bermasalah pendengaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ganjaran berbentuk pujian dan token ekonomi diberikan apabila murid dapat melakukan sesuatu perlakuan yang diingini seperti menyebut sesuatu suku kata atau perkataan dengan betul.




Rajah 2.2 : *Kerangka Teoritikal Kajian*

## 2.5 Kesan Intervensi Awal Terhadap Pertuturan

Masalah pendengaran dikategorikan sebagai masalah yang tersembunyi memandangkan ia tidak dapat dilihat secara fizikal atau lahiriah. Berdasarkan statistik dan nilai perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) 2013 didapati sebanyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


360 juta orang penduduk di seluruh dunia mengalami bermasalah pendengaran. Pengesanan bermasalah pendengaran kanak-kanak perlu dilakukan seawal umur 3 bulan manakala intervensi awal bermasalah pendengaran kanak-kanak perlu dilakukan selewat-lewatnya umur 6 bulan. Yoshinaga-Itano et al. (2004, 2008) dalam kajiannya menunjukkan kanak-kanak yang dikesan masalah pendengarannya dan mendapat intervensi awal menunjukkan pencapaian yang baik dalam bahasa, pertuturan dan perkembangan sosial berbanding kanak-kanak yang lambat dikenalpasti. Intervensi awal bukan hanya dengan membantu pendengaran kanak-kanak menggunakan teknologi sokongan pendengaran tetapi ia meliputi sokongan dan perkhidmatan kaunseling kepada keluarga serta *aural rehabilitation* (Northerns & Downs, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendengaran berkait rapat dengan perkembangan bahasa dan pertuturan. Kebolehan bertutur memerlukan pengetahuan tentang sistem bahasa (Awang Sariyan, 2005). Manusia secara amnya melalui tahap komunikasi yang dikatakan sebagai primitif, iaitu menggunakan bunyi-bunyi yang tidak bermakna (Mahmood Nazar, 2014). Namun, ianya akan berubah kepada bunyi-bunyi pertuturan yang bermakna seiring dengan pengalaman yang dilalui. Menurut National Institute of Health (1993), perkembangan pertuturan berlaku dengan giatnya pada peringkat tiga tahun pertama. Kajian Bandura mendapati, peniruan merupakan satu cara kanak-kanak mempelajari bahasa. Walau bagaimanapun, proses ini tidak berlaku kepada murid bermasalah pendengaran kerana kesukaran mereka untuk mendengar bunyi-bunyi pertuturan. Oleh yang demikian, pengesanan awal terhadap tahap kehilangan pendengaran penting agar masalah akibat ketidakupayaan dapat dikurangkan dan potensi pertuturan mereka dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pendengaran merupakan salah satu deria yang amat penting dan berguna dalam kehidupan harian kita. Kewujudan deria pendengaran membolehkan kita bertutur, berkomunikasi dan seterusnya dapat belajar dengan lebih baik. Sekiranya pengesanan dan intervensi awal masalah pendengaran kanak-kanak tidak dilakukan ia akan mengakibatkan kelewatan dalam perkembangan bahasa dan pertuturan, kemahiran komunikasi, kognitif dan sosial. Kebolehan bertutur memerlukan masa yang lama dan perlu dimulakan dari peringkat awal serta latihan yang berterusan. Kelewatan dalam perkembangan ini mengakibatkan kanak-kanak ketinggalan jauh di belakang berbanding rakan sebaya serta menyebabkan kurangnya keyakinan diri.

Bilangan professional dengan kepakaran untuk menyediakan intervensi awal bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran di kebanyakan negara adalah terhad (Sass-Lehrer, 2002). Malaysia menghadapi kekurangan yang meruncing dari segi guru berkelayakan dan tenaga pakar dalam pendidikan khas, sebagai contoh, terdapat hanya 150 psikologis klinikal, 157 jurupulih terapi pertuturan-bahasa dan 157 audiologis yang bekerja dengan kerajaan (Laporan PPPM, 2013-2015). Sehingga 2012, perkhidmatan terapi bahasa dan pertuturan kebanyakannya hanya di hospital-hospital besar, pusat swasta dan badan bukan kerajaan (Fairunizah, 2012). Bagi individu yang tinggal di kawasan luar bandar dan berpendapatan rendah, sudah tentu menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan seperti ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak seperti ibu bapa dan guru membantu murid untuk meminimumkan kesan ketidakupayaan deria pendengaran mereka agar mereka dapat menguasai kemahiran bertutur dan berkomunikasi dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pusat Tutur merupakan satu bentuk kolaborasi antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Yayasan Budi Penyayang Malaysia (PENYAYANG) yang ditubuhkan pada 31 Disember 2001, menawarkan perkhidmatan pemulihan pertuturan serta intervensi awal untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran (Fairunizah, 2012). Namun perkhidmatan seperti ini hanya terdapat di bandar-bandar besar dan ianya masih belum dapat memenuhi keperluan semua murid bermasalah pendengaran yang memerlukan khidmat terapi pertuturan di negara ini terutamanya di kawasan luar bandar.

Semua hospital di negara ini disarankan menjalankan ujian pengesanan pendengaran oto acustic emission (OAE) sebagai prosedur wajib kepada bayi baru lahir. Ujian pendengaran dijalankan ketika ini terlalu ringkas dan tidak menyeluruh menyebabkan ramai bayi dilahirkan pekak lambat menerima bantuan. Jika intervensi tidak diberikan seawal mungkin, impaknya besar pada perkembangan individu (Lokman Saim, dalam Berita Harian, 2012). Dalam memastikan kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak ketinggalan, Joint Committee on Infant Hearing (JCIH, 2007) telah menggariskan beberapa sasaran iaitu mendiagnos kanak-kanak seawal usia tiga bulan, diikuti pemakaian alat bantu dengar dan memulakan intervensi seawal usia enam bulan.

Pertuturan dan kemahiran berbahasa merupakan dua aspek perkembangan yang dipengaruhi oleh pendengaran. Abdullah dan Zamri (2004) menyatakan bahawa dalam mempelajari bahasa pertuturan, faktor mendengar adalah penting. Kehilangan pendengaran menyebabkan murid bermasalah pendengaran sukar mengajuk atau meniru bunyi-bunyi. Sehubungan itu, masalah pendengaran yang dikenal pasti lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


awal dapat mempercepat proses pemulihan sekaligus dapat mengelakkan komplikasi akibat ketidakupayaan deria pendengaran.

Krishnan dan Hyfte (2014) menegaskan bahawa pengesanan awal kehilangan pendengaran memberikan kesan positif terhadap perkembangan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan proses komunikasi dan kolaborasi kumpulan pelbagai disiplin ke arah memenuhi keperluan murid. Dalam hal ini, kolaborasi dan perkongsian maklumat secara dua hala antara kumpulan pelbagai disiplin seperti audiologis, patologis pertuturan-bahasa, guru serta ibu bapa penting kerana keperluan khidmat sokongan mula mendapat perhatian dan permintaan tinggi dalam kalangan ibu bapa terutama dalam usaha mendapatkan program intervensi dan rehabilitasi yang berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.6 Kesan Penggunaan Alat Bantu Pendengaran Terhadap Penguasaan Pertuturan.

Alat bantu pendengaran merupakan satu peralatan '*electroacoustic*' yang menggunakan kuasa bateri serta berfungsi untuk menguatkan bunyi dan memperbaiki pertuturan murid bermasalah pendengaran ke arah membentuk komunikasi yang lebih berkesan (KKM, 2012). Biasanya alat ini dipasang pada bahagian telinga dalam atau pada bahagian sekitar telinga manusia yang menghadapi gangguan fungsi pendengaran. Pemeriksaan tahap pendengaran adalah perlu supaya alat bantu pendengaran yang dipakai bersesuaian dengan keperluan individu tersebut. Perunding Kanan Otologi dan Neuro-Otologi, Datuk Dr Lokman Saim, berkata jika dulu, anak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kecil yang dilahirkan dengan masalah pendengaran akan membesar sebagai seorang Orang Kurang Upaya (OKU), iaitu pekak dan bisu. Namun, melalui teknologi dalam dunia perubatan, bayi yang dilahirkan pekak boleh dibantu melalui kaedah implan koklea dan alat bantuan pendengaran. Apa dibimbangkan, jika bayi itu tidak dibantu seawal mungkin, impaknya mungkin menggugat perkembangan dan kualiti hidup individu pada masa depan (Berita Harian, 27 November 2012).

Perkembangan teknologi melalui penciptaan alat sokongan pendengaran sebenarnya telah banyak membantu memperbaiki prestasi bahasa dan pencapaian kanak-kanak di luar negara. Lokman (2004) menegaskan bahawa apa juga tahap kehilangan pendengaran yang dialami, sisa pendengaran masih boleh digunakan dengan bantuan alat elektronik bagi membolehkan kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran mendengar dan menjalani latihan pertuturan. Ross (1990) menyatakan penggunaan alat bantu pendengaran sangat penting bagi golongan bermasalah pendengaran kerana melalui amplifikasi alat ini membantu meningkatkan kebolehan mendengar dan bertutur. Tahap pendengaran dan pemahaman komunikasi individu yang menggunakan alat pendengaran adalah lebih memberangsangkan (Nurrul Akmar, 2006).

Almeida dan Taguchi (2004) telah membuat kajian penilaian terhadap penggunaan alat bantu pendengaran. Dalam kajian mereka, seramai 15 orang murid bermasalah pendengaran yang baru dipasangkan alat bantu pendengaran telah mengisi borang soal selidik *Abbreviated Profile of Hearing Aid Benefit (APHAB)* sebelum dan selepas menggunakan alat bantu pendengaran. Keputusan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan iaitu prestasi menggunakan alat bantu dengar adalah lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



baik daripada tanpa bantuan alat bantu pendengaran. Amalan menggunakan alat bantu pendengaran sangat penting kerana ianya memberi kesan langsung terhadap keberkesanan proses pembelajaran mereka. Murid mempelajari bunyi bahasa yang bermakna bagi meningkatkan pertuturan dan memberikan implikasi yang baik dalam proses komunikasi mereka.

Clarke dan Wright (2011) juga menekankan kepentingan penggunaan alat bantu pendengaran dalam meningkatkan kemahiran bertutur, menguasai bahasa dan seterusnya berkomunikasi. Kegagalan memanipulasi sisa pendengaran murid melalui teknologi alat bantu pendengaran memberi impak terhadap keupayaan memperbaiki bahasa dan pertuturan mereka. Perkembangan teknologi dalam penciptaan alat bantu pendengaran dapat membantu murid bermasalah pendengaran memperbaiki tahap keupayaan mereka mendengar (Blamey, 2003). Walaupun ianya tidak mengembalikan pendengaran ke tahap normal namun penggunaannya dapat memanfaatkan sisa pendengaran murid. Kesan pemakaiannya terbukti dapat meningkatkan keupayaan bertutur jika alat tersebut digunakan dengan sebaik mungkin. Schow & Nerbonne (1989) mendapati dalam kajian lepas, kanak-kanak bermasalah pendengaran dari tahap teruk hingga ke sangat teruk boleh bertutur jika pendengaran mereka dieksploitasi melalui alat bantu pendengaran.

Shahrul Arba'iah (2007), mendapati ibu bapa mempunyai pengaruh yang amat besar kepada pencapaian anak mereka. Ibu bapa yang dedikasi akan melatih anak mendengar dan bertutur bagi membolehkan proses mendengar menjadi lebih pantas. Walau bagaimanapun, kadang kala proses ini terbantut disebabkan status sosio ekonomi ibu bapa yang rendah menjadi halangan murid menggunakan alat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bantu pendengaran memandangkan kos bateri dan alat yang tinggi (Wong, 2000). Bagi mendapatkan faedah maksimum, ia harus dipakai oleh murid sepanjang masa berjaga (Gregory, Silo & Callow, 1995). Namun, kajian Hishamuddin Ahmad (2002) ke atas 148 murid sekolah menengah di Johor mendapati hanya 17.9% responden memakai alat bantu pendengaran dan daripada jumlah tersebut hanya 30.9% sahaja menggunakannya melebihi 8 jam sehari. Ini disokong oleh Safani, Manisah, Noraini dan Aliza (2003) mendapati daripada 141 murid hanya 17% sahaja memakai alat pendengaran dan sebahagian besar dari alat tersebut tidak berfungsi dengan memuaskan. Kadar penggunaan alat bantu dengar yang rendah menyukarkan proses untuk memperbaiki pendengaran dan secara tidak langsung menjejaskan keupayaan mereka menguasai kemahiran bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan alat bantu pendengaran sejak awal iaitu ketika masalah pendengaran dikenal pasti dan latihan pertuturan yang berterusan akan dapat memperbaiki pertuturan kanak-kanak bermasalah pendengaran (Clark, 1989; Dawson 1987; Paul 1998). Abdullah Yusoff (2002) menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran mengetahui alat bantu pendengaran membantu mereka untuk mendengar tetapi kekurangan latihan dan kemahiran pengendalian menyebabkan penggunaan alat tidak memberikan sebarang kesan kepada murid sebaliknya mengganggu dan memudaratkan mereka. Kanak-kanak yang menghadapi masalah pendengaran pada tahap yang teruk tidak akan dapat mendengar bunyi suara, justeru itu mereka tidak mengalami pemerolehan dan perkembangan bahasa verbal secara semula jadi. Namun, perkembangan sains dan teknologi telah menciptakan pelbagai alat teknologi sokongan pendengaran yang dapat menguatkan bunyi dan membantu meningkatkan keupayaan mendengar murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 2.7 Kesan Intervensi Pemulihan Pertuturan Terhadap Sebutan Dan Bahasa

Pendekatan pertuturan memerlukan individu kehilangan pendengaran menuturkan bahasa pertuturan seperti manusia normal. Pertuturan membabitkan sistem fonetik, morfologi dan sintaksis. Pendekatan ini sukar dilakukan kerana kehilangan pendengaran mempengaruhi penerimaan bunyi (Abdullah, 1995). Matlamat sesuatu intervensi sering dikaitkan dengan sejauh mana onjektifnya dapat direalisasikan. Antara kesan penting dalam melaksanakan intervensi kajian ini adalah cirinya yang menekankan hasil iaitu keupayaan murid mengucapkan sesuatu perkataan dengan lebih jelas dan lancar. Walau bagaimanapun, gaya dan teknik pengajaran bergantung kepada guru untuk menghasilkan penggabungjalinan yang berkesan mengikut situasi dan keperluan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kehilangan upaya deria yang penting telah menghadkan pengalaman dan perkembangan yang dilalui oleh seseorang individu dalam kehidupan seharian. Dari segi perkembangan sosioemosi, kanak-kanak bermasalah pendengaran adalah kurang matang dari segi sosioemosi (Calderon & Greenberg, 2003), serta tumpuan mereka mudah terganggu (Stokoe, 2002). Pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak bermasalah pendengaran seperti kekecewaan semasa ketika cuba berkomunikasi, salah faham yang memalukan dan berasa terasing dalam interaksi dengan keluarga dan rakan-rakan, menjadi stigma kepada mereka (Stebnicki, McCreacy & Coeling, 1999). Oleh itu, murid pendengaran seharusnya dilatih dengan kemahiran mendengar dan bertutur agar mereka tidak lagi merasa dipinggirkan dan lebih yakin untuk berhadapan dengan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sikap yang menganggap murid-murid bermasalah pendengaran sukar diajar hendaklah diubah kerana akhir-akhir ini sudah ada yang mencapai kejayaan walaupun bilangan mereka agak sedikit (Abdullah Yusoff & Che Rabia'ah Ahmad, 2004). Braden (1985) menyatakan bahawa individu bermasalah pendengaran mempunyai fungsi intelektual yang sama dengan rakan sebaya yang normal. Kajiannya mendapati purata skor IQ individu bermasalah pendengaran 96.89 menggunakan WISC-R, perbezaan yang kecil dengan individu normal yang mendapat skor 100. Namun, disebabkan masalah pertuturan dan bahasa, mereka keliru untuk berfikir dan masalah ini mempengaruhi keupayaan pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, sokongan dalam pendidikan amat membantu terutamanya tahun pertama awal kanak-kanak (Audrey, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketidakupayaan mendengar dalam kalangan murid bermasalah pendengaran akan memberi impak kepada kelewatan pemerolehan bahasa pertuturan, kemahiran literasi dan perkembangan sosial. Kehilangan pendengaran memberi kesan terhadap keupayaan bertutur dan berkomunikasi. Kanak-kanak bermasalah pendengaran harus sering diajak bercakap, jika tidak ia akan menjejaskan perkembangan mental ataupun sosial (Evelyn, 2013). Powers (1999) yang dipetik dari Tufecioglu (2000) mendapati pencapaian akademik murid bermasalah pendengaran ketinggalan berbanding murid normal disebabkan oleh kelewatan perkembangan bahasa dan pertuturan. Umumnya, semakin tinggi tahap kehilangan pendengaran, semakin ketara masalah pertuturan yang dialami. Oleh itu, latihan pertuturan amat diperlukan oleh murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Lynas, Huntington & Tucker (1991) mendapati ketiadaan intervensi awal dan kekurangan alat bantu pendengaran mendatangkan kesan pertuturan murid yang kurang jelas. Brown (2005) menyarankan bahawa intervensi awal amat penting kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran kerana kehilangan pendengaran memberi kesan kepada pemerolehan bahasa pertuturan. Sehubungan itu, Malaysia juga mengorak langkah dalam menyediakan intervensi awal bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran melalui Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pembangunan, Wanita dan Masyarakat dalam bentuk latihan pertuturan dan penggunaan alat bantu pendengaran (Jamila, 2012). Kerjasama ini penting terutamanya dalam meningkatkan keupayaan dan potensi murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.8 Kaedah Komunikasi Murid Bermasalah Pendengaran

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang mesti dikuasai oleh semua individu dalam kehidupan seharian (Siti Hajar, 2009). Namun, bagi golongan bermasalah pendengaran kehilangan upaya mendengar menyukarkan mereka untuk menguasai pertuturan dan seterusnya menjejaskan komunikasi mereka. Sesungguhnya komunikasi yang efektif perlu dimulakan seawal mungkin kerana ia berkaitan dengan perkembangan otak. Lebih lama otak tidak mendapat stimulasi auditori, lebih terencat perkembangan bahasanya (Lokman, 2004). Kadar tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak berlaku dengan pesat sekali pada peringkat usia di bawah lima tahun iaitu disebut sebagai *critical periods of growth and development* (Jamila, 2005). Oleh itu, murid bermasalah pendengaran seharusnya dilatih untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mendengar dan menguasai pertuturan agar mereka dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Juan Martin Pablo Bonet yang dilahirkan di Zaragosa (Aragon) (dalam Mohd Hanafi, 2005) dalam bukunya yang bertajuk "*The Reduction of Letters of Arts of Teaching the Mute to Speak" (Reduccion de las letras y arte para ensenar a hablar a los mudes)* menyenaraikan beberapa langkah untuk mengajar murid bermasalah pendengaran untuk bertutur. Antara langkah yang dikemukakan adalah seperti berikut:-

a. Kanak-kanak bermasalah pendengaran seharusnya diajar abjad tangan terlebih dahulu.
b. Setiap ahli keluarga yang tinggal bersama dengan kanak-kanak ini seharusnya mempelajari abjad tangan.
c. Kanak-kanak bermasalah pendengaran seharusnya diajar membunyikan tiap-tiap huruf bermula huruf vokal.
d. Kemudian, mereka hendaklah diajar tentang suku kata dan perkataan bermakna.
e. Apabila kanak-kanak sudah menguasai perbendaharaan kata dengan cara ini, ia hendaklah diajar berbahasa dengan cara memperkenalkan tatabahasa secara sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah yang diperkenalkan ini merupakan antara langkah yang boleh dilakukan untuk mengajar golongan bermasalah pendengaran untuk menguasai kemahiran bertutur bermula dari peringkat asas sehinggalah peringkat memperkenalkan sistem bahasa yang teratur. Mengikut Radziewicz dan Antonellis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



(1993), faktor bila berlakunya kecacatan, darjah kehilangan pendengaran dan jangkamasa kecacatan dikesan memainkan peranan penting dalam pemilihan pendekatan pengajaran pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran. Kajian yang dilakukan oleh Weisz, Doss, Hawley (2005) mendapati terapi pertuturan yang dijalankan dengan sistematik berkesan meningkatkan kebolehan bertutur kanak-kanak bermasalah pendengaran.

Pertuturan kiu diperkenalkan oleh Dr. R. OrinCornett dari Universiti Gallaudet, Amerika Syarikat pada tahun 1967. Pertuturan kiu merupakan satu kaedah pergerakan tangan yang dapat membezakan bunyi-bunyi dengan melihat pergerakan bibir. Ia melibatkan empat kedudukan tangan yang membezakan 11 vokal Inggeris dan 8 bentuk tangan untuk membezakan 25 konsonan dengan penambahan pergerakan bagi sesetengah diftong. Pertuturan kiu merupakan kaedah yang menggunakan *speechreading* yang mengandungi isyarat tangan yang menunjukkan bunyi pertuturan yang sedang dituturkan. Dapatan Mohd Hanafi et al.(2013), menunjukkan bahawa murid bermasalah pendengaran yang menggunakan kiu mudah berinteraksi dengan orang sekeliling mereka.

Pendekatan auditori oral adalah salah satu pendekatan yang digunakan untuk melatih murid bermasalah pendengaran menguasai kemahiran bertutur. Ia menekankan proses mendengar dan bertutur dengan penggunaan sisa pendengaran dengan lebih berkesan, diperkukuhkan dengan penggunaan alat bantu dengar, deria lihat dan deria sentuh. Kaedah ini menggunakan implikasi bunyi bagi memperkembangkan kemahiran mendengar dan bertutur, melibatkan latihan mendengar untuk membolehkan mereka mendiskriminasi bunyi-bunyi. Kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



digalakkan bertutur tanpa menggunakan bahasa isyarat atau ejaan jari tetapi menekankan bacaan bibir (*lip reading*) (Jamila, 2005).

Dalam mempelajari mana-mana bahasa pertuturan faktor kebolehan mendengar amat penting (Paul & Quigley, 1994). Pendekatan auditori verbal merupakan pendekatan yang dilaksanakan untuk membantu golongan bermasalah pendengaran menguasai kemahiran bertutur menggunakan sisa pendengaran dengan bantuan alat bantu pendengaran atau implan koklea. Menurut Goldberg dan Flexer (1993), pendekatan ini membolehkan kanak-kanak menguasai pertuturan dan bahasa secara semula jadi melalui deria pendengaran. Pendekatan ini memerlukan penglibatan dan komitmen ibu bapa kerana pendekatan ini juga perlu dipraktikkan di rumah. Penglibatan dan pemahaman ibu bapa dalam memastikan kaedah ini dipraktikkan dengan berkesan amat diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 2.9 Rumusan

Di dalam bab ini, pengkaji menerangkan tentang murid bermasalah pendengaran, keperluan serta masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Pelbagai isu dikaitkan dengan golongan ini seperti masalah penggunaan isyarat yang tidak setara, masalah komunikasi dan sosialisasi yang berpunca dari ketidakupayaan pendengaran mereka. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan untuk golongan bermasalah pendengaran agak membebankan di mana kos alat, bateri, terapi pertuturan dan sebagainya memerlukan pembiayaan yang tinggi. Malaysia masih lagi kekurangan pakar dan kebanyakannya berada di bandar-bandar besar. Oleh yang demikian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengkaji melihat perkara ini menjadi suatu masalah yang agak membebankan ibu bapa terutama yang berada di luar bandar dan berpendapatan rendah. Pengkaji melihat isu ini dapat diatasi dan dikurangkan sekiranya aktiviti pemulihan pertuturan ini diberi penekanan di sekolah dan keupayaan murid menguasai pertuturan tidak dipandang ringan. Justeru, langkah ini dilihat bukan sahaja dapat mengurangkan masalah kekurangan pakar malah dapat membantu murid bermasalah pendengaran menguasai kemahiran bertutur dengan lebih baik dan seterusnya dapat menggunakan bahasa lisan untuk berkomunikasi dengan masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini menjelaskan mengenai metodologi kajian meliputi prosedur pelaksanaan kajian, reka bentuk kajian, tempat kajian, peserta kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, dan prosedur penganalisisan data. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan intervensi latihan pemulihan pertuturan menggunakan Modul S.I peringkat 1 untuk murid bermasalah pendengaran di peringkat sekolah menengah.

## 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu kaedah dan prosedur yang dijalankan bagi menjawab persoalan kajian yang dibentuk (Maimunah, 2005). Penyelidikan ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menggunakan Modul S.I untuk melatih pertuturan murid bermasalah pendengaran yang dikaji. Pendekatan kualitatif dalam penyelidikan ini adalah kajian kes yang melibatkan responden bermasalah pendengaran yang mengunakan alat teknologi sokongan pendengaran. Reka bentuk kualitatif adalah bersesuaian bagi kajian penerokaan. Kajian seperti ini bertujuan untuk menjelaskan fenomena yang berlaku sepanjang masa kajian melalui pemerhatian dan analisis dokumen yang akan memberi gambaran pelbagai realiti yang berlaku semasa sesi pembelajaran (Chua, 2011).

Dalam kajian ini, untuk memberikan penjelasan tentang perubahan yang berlaku sebelum dan selepas latihan dijalankan, maka pengkaji telah menggunakan skor ujian pra dan pasca. Kajian kes ini memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat pemerhatian, merapatkan diri serta berinteraksi dengan peserta kajian dan mendapatkan maklumat dan data yang lebih mendalam (Marohaini, 2001). Penggunaan kajian kes hakikatnya membantu penyelidik untuk memahami sesuatu isu secara terperinci menggunakan sampel yang kecil (Noraini, 2010) dengan tujuan menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh individu atau unit sosial (Mohd Majid, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan empat orang responden yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditentukan oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan latihan terhadap pemulihan pertuturan murid bermasalah pendengaran yang menggunakan alat bantu pendengaran. Pengkaji berandaian bahawa tanpa sebarang intervensi maka tiada perubahan tingkah laku yang positif maka tingkah laku tersebut akan berterusan selamanya.

Kajian kes memerlukan diskripsi yang terperinci tentang kes atau lapangan yang dikaji. Menurut Creswell (1998), analisis data dilakukan berasaskan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pelbagai sumber maklumat seperti catatan bertulis, rakaman video dan bukti dokumen bagi menentukan bukti setiap kes yang dikaji. Bagi kajian ini, analisis data dijalankan berdasarkan sumber maklumat pemerhatian, rakaman video, analisis dokumen dan prosedur ujian pra-pasca yang mengambil masa lebih kurang tiga bulan iaitu Mei hingga Ogos 2014. Setiap individu menjalani latihan sebanyak 10 sesi dan setiap sesi akan mengambil masa selama 30 minit.

Dalam kajian ini, pengkaji memberikan tumpuan terhadap pentingnya program intervensi pemulihan pertuturan diwujudkan untuk murid bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah yang menggunakan alat bantu pendengaran untuk meningkatkan kemahiran mendengar serta masalah sebutan yang dihadapi menggunakan Modul S.I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.3 Persampelan Dan Populasi

Dalam kajian ini, pemilihan sampel dibuat berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan oleh pengkaji. Dalam memilih peserta kajian, Patton (2002) dan Mason (2002) mengusulkan pemilihan sampel menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana peserta kajian yang dipilih dapat memenuhi kriteria kajian, bersedia untuk bekerjasama dan dapat memberi maklumat yang diperlukan.

Marohaini (2001) menjelaskan bahawa bilangan sampel kajian yang kecil adalah memadai untuk membolehkan pengkaji meneroka secara mendalam dan menjawab persoalan kajian. Apa yang diutamakan ialah ketepatan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kebolehpercayaan data yang diperoleh daripada sampel kajian, di samping memastikan jumlah yang dipilih dapat menjawab soalan kajian yang disediakan (Marshall & Rossman, 2006). Dalam kajian ini, sampel yang dipilih hanya mewakili sampel ini dan tidak mewakili sampel lain walaupun berada dalam lokasi yang sama. Pemilihan sampel kajian juga tidak berdasarkan kepada jantina, bangsa dan umur.

Pemilihan sampel dalam kajian ini terdiri daripada empat orang murid bermasalah pendengaran di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Responden yang dipilih berdasarkan kriteria yang diperlukan iaitu tahap pendengaran yang teruk (profound), berkeupayaan mengeluarkan suara (prapertuturan) dan memakai alat bantu pendengaran (ABD) yang berfungsi dengan baik serta mempunyai asas petuturan kiu. Biodata responden adalah seperti dalam Jadual 3.1 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

*Maklumat Responden Kajian*

| **Responden** | **Jantina** | **Umur** | **ABD** | ***Vocal Warm-Up*** | **Tahap Pendengaran** |
|---|---|---|---|---|---|
| Responden 1 | Lelaki | 15 | √ | √ | Profound |
| Responden 2 | Perempuan | 15 | √ | √ | Profound |
| Responden 3 | Lelaki | 17 | √ | √ | Profound |
| Responden 4 | Perempuan | 16 | √ | √ | Profound |

Berdasarkan jadual 3.1, responden terdiri daripada dua murid lelaki dan dua orang murid perempuan berketurunan Melayu dan Cina. Pemilihan empat responden dalam kajian ini adalah berdasarkan laporan pakar perubatan, dan kriteria yang telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



ditentukan oleh pengkaji. Murid diuji dengan kemahiran prapertuturan untuk mengenal pasti keupayaan mereka mengeluarkan suara dengan membunyikan huruf-huruf vokal. Murid yang melepasi ujian ini dipilih sebagai responden kajian.

## 3.4 Lokasi Dan Tempoh Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas empat murid yang menggunakan alat bantu pendengaran di salah sebuah program pendidikan khas integrasi bermasalah pendengaran sekolah menengah yang terletak di dalam zon Bangsar di Kuala Lumpur. Sekolah ini merupakan sekolah menengah harian yang mempunyai dua program integrasi pendidikan khas iaitu bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan selama tiga bulan mulai Mei hingga Ogos 2014 dan latihan pemulihan pertuturan ini dijalankan ke atas empat orang murid bermasalah pendengaran menggunakan Modul S.I peringkat 1. Setiap responden perlu memakai alat bantu pendengaran yang berfungsi dengan baik sepanjang program intervensi dijalankan. Setiap responden akan menjalani latihan sebanyak 10 sesi dan setiap sesi mengambil masa selama 30 minit. Intervensi dijalankan di dalam bilik pertuturan sekolah ini. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya menggambarkan dapatan yang berlaku hanya dalam lokasi dan tempoh tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 3.5 Prosedur Kajian

Proses perlaksanaan kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat persediaan, peringkat kajian rintis dan peringkat kajian sebenar. Penjelasan berkaitan ketiga-tiga peringkat tersebut memberi gambaran bagaimana data bagi kajian ini diperoleh daripada empat orang subjek kajian.

### 3.5.1 Peringkat persediaan

Bagi melaksanakan kajian dengan berkesan, terdapat langkah-langkah yang dilaksanakan sebagai panduan untuk mengumpulkan maklumat dan data. Pada peringkat pertama, pengkaji mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ini kerana kajian ini melibatkan sekolah-sekolah dan murid-murid di bawah bidang kuasa KPM. Kebenaran bertulis diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL).

Setelah pengkaji mendapat kebenaran bertulis daripada JPWPKL, pengkaji telah ke sekolah kajian menjelaskan tujuan pengkaji untuk menjalankan kajian kepada pengetua sekolah tersebut dan menyerahkan surat kebenaran dari pihak kementerian dan JPWPKL. Pihak sekolah telah memberikan kebenaran lisan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dan meminta supaya pengkaji memaklumkan kepada pihak sekolah setiap kali aktiviti dijalankan iaitu kepada Penolong Kanan Pendidikan Khas di sekolah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sebagai langkah persediaan agar kajian dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, seorang guru yang mengajar Bahasa Melayu murid bermasalah pendengaran di sekolah ini telah dipilih dan dilatih menggunakan modul ini agar tidak berlaku kesilapan semasa menggunakan modul ini untuk program intervensi pertuturan.

### 3.5.2 Peringkat Kajian Rintis

Pelaksanaan kajian rintis adalah bertujuan untuk membantu pengkaji membiasakan diri dengan tempat dan peserta kajian. Kajian rintis membolehkan pengkaji mengenal pasti masalah yang mungkin timbul semasa menjalankan kajian sebenar. Selain itu, kajian rintis juga membolehkan pengkaji merancang pelbagai langkah bagi memastikan kajian dapat dijalankan dengan lancar malah dapat meningkatkan keyakinan diri setelah mendapat gambaran cara untuk menjalankan kajian serta tatacara untuk berhadapan dengan peserta dan lapangan kajian (Marshall & Rossman, 2006). Merriam (2001) berpendapat kajian rintis memberi peluang kepada pengkaji untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada instrumen yang akan digunakan.

Pengkaji turut memaklumkan tentang keperluan merakam sesi pengajaran dan sesi ujian pra-pasca bagi membolehkan pengkaji meneliti sebarang maklumat yang penting. Pemilihan peserta kajian rintis berdasarkan kriteria seperti tahap pendengaran yang teruk, namun menggunakan alat bantu pendengaran yang berfungsi dengan baik serta berupaya mengeluarkan suara. Melalui kajian rintis yang dijalankan selama empat minggu, pengkaji mendapat mengenal pasti tentang beberapa aspek seperti lokasi, masa latihan dan suasana bilik pembelajaran. Oleh yang demikian, pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



telah membuat beberapa perubahan untuk pelaksanaan kajian sebenar. Lokasi kajian diubah ke bilik yang lebih sesuai dan bebas dari gangguan bunyi. Masa latihan juga menjadi lebih pendek iaitu dari satu jam menjadi tiga puluh minit kerana masa yang terlalu panjang bukan sahaja terlalu meletihkan murid malah membosankan mereka. Pemilihan vokal dan konsonan adalah berdasarkan kepada Modul S.I peringkat 1 (asas) iaitu vokal dan konsonan yang mudah dilihat dan ditiru penghasilannya oleh murid bermasalah pendengaran.

### 3.5.3 Peringkat Kajian Sebenar

Kajian ini akan melalui tiga fasa iaitu fasa *'baseline'*, fasa intervensi dan fasa pencapaian. Semasa fasa *'baseline'*, tiada rawatan diberikan dan murid hanya diuji sebanyak lima puluh perkataan. Fasa kedua adalah fasa intervensi di mana murid akan menjalani sebanyak sepuluh kali sesi intervensi dan setiap sesi akan mengambil masa selama 30 minit. Selepas fasa intervensi, murid sekali lagi akan diuji sejumlah lima puluh patah perkataan dalam ujian pasca.

#### a. Fasa 'baseline'

Semasa fasa 'baseline' , responden diuji tiga aspek iaitu kemahiran prapertuturan, ujian Ling Six Sounds dan ujian menyebut lima puluh perkataan yang mengandungi vokal dan konsonan yang akan dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**b. Fasa intervensi**

Semasa intervensi dijalankan, murid akan dilatih dengan tiga tahap kemahiran iaitu membunyikan huruf vokal secara tunggal seperti /a/, /e/, /i/, /o/, /u/ dan /e/ diikuti gabungan vokal dan konsonan yang membentuk suku kata dan seterusnya perkataan. Responden tidak boleh menyebut huruf tetapi membunyikan huruf. Pada peringkat awal, responden diperkenalkan bunyi vokal secara tunggal, ansur maju kepada gabungan VV, VVV, VVVV dan VVVVV. Saterusnya responden diperkenalkan pula gabungan KV, KVK, KVKV dan sebagainya sehingga selesai intervensi peringkat 1 Modul S.I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**c. Fasa pencapaian**

Fasa ini dilaksanakan selepas sahaja responden selesai fasa intervensi. Tiada rawatan yang responden diberikan pada fasa ini, sebaliknya responden hanya perlu menjalani ujian pasca iaitu menyebut perkataan yang mengandungi vokal dan konsonan yang dipelajari semasa sesi intervensi. Sesi ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perubahan atau peningkatan pencapaian responden setelah menjalani intervensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 3.6 Instrumen Kajian

Kajian dilaksanakan untuk melihat kesan intervensi atau latihan pemulihan pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran. Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada Modul S.I peringkat 1 (kemahiran asas), borang maklumat murid, borang catatan pemerhatian, senarai perkataan ujian pra-pasca, borang penilaian dan transkripsi fonetik, senarai semak aktiviti pra pertuturan dan senarai semak ujian Ling.

### 3.6.1 Buku Membaca Dengan Kaedah Syahrulikram (Modul S.I)

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan Modul S.I (Lampiran I) bagi tujuan latihan pemulihan pertuturan murid bermasalah pendengaran sekolah menengah. Buku ini telah pun digunapakai oleh patologis pertuturan-bahasa, ibu bapa dan guru sebagai satu bahan dan kaedah untuk mengajar bacaan dan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran. Buku ini ditulis oleh Mohd Syahrulikram Mohd Yasin dan Nur Azizah Nurdin yang merupakan patologis pertuturan-bahasa yang berpengalaman. Pengkaji hanya menggunakan kemahiran peringkat 1 (kemahiran asas) sahaja memandangkan masa kajian terhad dan proses pertuturan memerlukan jangkamasa yang agak lama. Sesi terapi latihan pemulihan pertuturan dalam kajian ini dijalankan secara individu selama sepuluh sesi dan setiap sesi mengambil masa selama 30 minit.

Buku ini merupakan modul pembelajaran yang dihasilkan dengan tujuan meningkatkan kemahiran bertutur dan membaca murid-murid bermasalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pendengaran. Selain itu, buku ini juga direka khas dan boleh digunakan untuk melatih kemahiran membaca dan bertutur bagi individu yang mempunyai masalah pertuturan dan lambat membaca. Buku ini diterbitkan pada tahun 2006 oleh Saahifah Resources Sdn. Bhd. Buku ini hanya dicetak mengikut permintaan.

Susunan huruf buku Membaca Dengan Kaedah S.I merupakan satu kaedah susunan yang dibuat khusus untuk mengajar pertuturan kepada golongan masalah pendengaran. Buku ini menekankan hubungan antara huruf (simbol) dengan bunyi. Dalam kajian ini, responden akan dilatih untuk menyebut atau membunyikan huruf vokal ( a, i, u, o, e, e) dan gabungan vokal dan konsonan ( h, y, w, l, b, p) yang terdapat dalam modul peringkat 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.2 Borang Maklumat Murid (Lampiran F)

Borang maklumat murid ini digunakan untuk mengetahui serba sedikit tentang responden yang terlibat dalam kajian ini. Borang ini mengandungi maklumat tentang latar belakang murid, tahap pendengaran dan jenis alat bantuan pendengaran yang digunakan. Penyelidik dapat menggunakan maklumat yang diperlukan untuk tujuan penyelidikan misalnya, laporan perubatan pakar diperlukan untuk mengetahui tahap kehilangan pendengaran sebelum dan selepas memakai alat bantu dengar dan tempoh masa responden mula menggunakan alat bantu dengar. Maklumat dalam borang ini diperoleh dari pihak sekolah dan ia adalah sulit dan hanya beberapa maklumat diambil untuk tujuan penyelidikan mengikut prosedur dan kebenaran yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.6.3 Senarai Semak Skor Ujian Ling

Senarai semak skor ujian Ling (Mohd Syahrulikram dan Nor Azizah, 2010), (Lampiran H) mengandungi maklumat nama responden, tahap pendengaran, tarikh dan markah yang diperolehi setiap responden bagi setiap sesi. Senarai semak ini digunakan setiap sesi untuk mengenal pasti keupayaan responden mengesan bunyi berdasarkan ujian yang dijalankan. Responden akan diuji untuk mengesan enam bunyi Ling setiap sesi sebelum memulakan latihan pemulihan pertuturan. Setiap bunyi akan diuji sebanyak tiga kali dan markah akan dicatatkan untuk setiap kali ujian. Senarai semak ini diambil dan diubah suai daripada borang aktiviti yang digunakan oleh penulis buku sebelum menjalankan aktiviti pertuturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.4 Rancangan Pengajaran Latihan Pemulihan Pertuturan

Rancangan pengajaran (Lampiran L) ini mengandungi maklumat tentang aktiviti dan kemahiran yang dijalankan pada setiap sesi latihan. Rancangan ini dibentuk untuk sepuluh sesi pengajaran di mana ia merupakan langkah-langkah yang disusun untuk mengajar pertuturan murid bermasalah pendengaran. Ia termasuklah pemeriksaan alat bantu pendengaran murid, pelaksanaan ujian Ling, *vocal warm-up* dan kemahiran mengikut peringkat dalam Modul S.I.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.6.5 Borang Penilaian (Transkripsi Fonetik) dan Senarai Semak

Borang penilaian (transkripsi fonetik) ujian pra dan pasca digunakan untuk mencatat dan mengenal pasti sebutan responden semasa ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis sebutan responden akan diberi markah mengikut cara pemarkahan yang telah ditetapkan. Jumlah markah akan dapat memberikan maklumat tentang pencapaian responden dalam ujian pra dan ujian pasca. Penilaian senarai semak kesilapan dibuat berdasarkan huruf vokal dan konsonan yang disasarkan pada awal, tengah dan akhir perkataan. Borang penilaian dan transkripsi fonetik mengandungi 50 senarai perkataan yang diuji dalam ujian pra dan ujian pasca. Borang ini mengandungi ruangan perkataan, transkripsi fonetik, ruangan markah dan catatan. Transkripsi fonetik dibuat berdasarkan rakaman yang dibuat semasa ujian pra dan ujian pasca. Transkripsi fonetik disemak dan disahkan oleh pakar yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.6 Borang Terapi Pendengaran dan Pertuturan

Borang terapi pendengaran dan pertuturan (Lampiran K) mengandungi aktiviti senaman muka, kawalan pernafasan, kawalan suara dan latihan suprasegmental, latihan pendengaran dan latihan pra-pertuturan. Borang ini digunakan di peringkat awal latihan untuk mengenal pasti keupayaan responden sebelum mengikuti latihan pertuturan. Keupayaan responden melakukan aktiviti yang disediakan akan dicatatkan dalam ruangan yang berkenaan. Senarai semak ini diambil dan diubah suai daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



borang pra-pertuturan yang digunakan oleh penulis modul untuk menjalankan terapi pertuturan.

### 3.6.7 Borang Laporan Pemerhatian

Borang laporan pemerhatian (Lampiran J) digunakan untuk mencatatkan segala perlakuan dan aktiviti semasa sesi latihan. Borang ini juga mengandungi maklumat seperti nama responden kajian, tarikh dan hari latihan dibuat, dan masa latihan dijalankan. Borang ini sangat penting kerana ia merupakan catatan pemerhatian pengkaji sepanjang sesi latihan dijalankan. Pengkaji mencatatkan segala aktiviti dan tingkah laku responden untuk melihat perkembangan dan pencapaian responden sepanjang sesi kajian dan mencatatkan segala perubahan yang berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.6.8 Senarai Perkataan (Ujian pra-pasca)

Senarai perkataan ini digunakan sebagai ujian pra dan ujian pasca yang diuji kepada murid. Ianya mengandungi 50 perkataan yang dipilih dari Buku Membaca Dengan Kaedah S.I dan hanya mengandungi perkataan daripada fonem vokal dan konsonan yang dipelajari untuk peringkat 1 sahaja. Huruf vokal yang dimaksudkan adalah a, e, i, o, u, e dan konsonan pula adalah h, y, l, w, b, p. Perkataan yang diuji pula adalah gabungan keduanya seperti yang terdapat dalam modul peringkat 1 iaitu meliputi perkataan VV, VKV, KVV, KVK, VKVK, KVKV, KVKVV, KVKKV dan KVKVK .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Responden diuji sebutannya menggunakan senarai perkataan yang disediakan dan rakaman video dibuat semasa sesi ujian.

### 3.7 Pelaksanaan Kaedah S.I

Kaedah S.I ini merujuk kepada nama penulis buku ini iaitu Mohd Syahrulikram. Kaedah ini menggunakan kaedah fonetik iaitu kaedah yang menekankan kepada bunyi huruf. Ia didasari oleh model Gough iaitu model Bawah ke Atas. Model ini dilaksanakan mulai asas bunyi fonem yang mudah diikuti suku kata dan seterusnya perkataan sehinggalah ke peringkat fonem yang lebih sukar. Sebelum memulakan setiap sesi latihan, pemeriksaan alat bantu dengar, ujian Ling dan *vocal warm-up* dilaksanakan agar responden lebih bersedia dengan aktiviti seterusnya. Tujuan pemeriksaan alat bantu dengar dan ujian Ling diadakan adalah untuk mengenal pasti keupayaan responden mengesan bunyi pada setiap sesi yang dijalankan.




*Rajah 3.1. Speech Banana Audiogram.* Sumber daripada *http://www.audiologyconsulting.com/hearingloss.htm*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 di atas menunjukkan kedudukan bunyi Ling dan fonem yang diuji dalam kajian ini. Ujian Ling dijalankan pada awal sesi latihan bagi mengesan bunyi bersuara /a/, /i/, /u/, /m/ dan tidak bersuara /s/, /sh/ melalui bunyi yang berada pada tahap percakapan normal. Ujian Ling dijalankan kerana bunyi-bunyi tersebut mewakili setiap frekuensi dalam *banana speech audiogram* iaitu pada tahap 20dB hingga 60dB. Jika responden dapat mendengar semua bunyi-bunyi tersebut, bermakna ia dapat mendengar sebahagian besar bunyi-bunyi bahasa.

Pada permulaan, responden dilatih dengan kemahiran bentuk dan bukaan mulut, seterusnya responden diperkenalkan bunyi vokal iaitu /a/, /e/,/i/, /o/, /u/ dan /e/. Setelah murid menguasai kemahiran bunyi vokal, mereka diperkenalkan pula dengan gabungan bunyi VV, VVV seperti, /aaaiii/, /aaauuu/, /aea/, /oio/, dan sebagainya. Kemudian, responden diperkenalkan pula huruf konsonan h, w, y, l, b dan p yang digabungkan dengan vokal seperti KV, VKV, KVKV, VK, dan KVK. Responden digalakkan membuat latihan pertuturan yang telah dipelajari di rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 3.8 Kesahan Instrumen

Kesahan instrumen merujuk kepada kemampuan instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur (Noraini, 2010). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen kajian untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Bagi memastikan instrumen yang digunakan dalam kajian ini menepati tujuan kajian, pengkaji telah mendapatkan pengesahan daripada tiga orang pakar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berpengalaman dalam bidang masalah pendengaran. Pemilihan pakar adalah seperti berikut:-

Jadual 3.2

*Senarai Panel Pakar Pengesahan Instrumen Kajian*

| **Bil.** | **Nama** | **Institusi** | **Jawatan** | **Kepakaran** |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pakar A | IP Ilmu Khas, Cheras | Pensyarah | Masalah Pendengaran |
| 2. | Pakar B | IP Ilmu Khas, Cheras | Pensyarah | Masalah Pendengaran |
| 3. | Pakar C | PPUM Petaling Jaya | Patologis Pertuturan-Bahasa | Pertuturan-Bahasa |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2 menunjukkan senarai pakar pengesahan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Pakar A dan pakar B merupakan pensyarah dalam bidang masalah pendengaran di Institut Perguruan Ilmu Khas (IPIK) Cheras manakala pakar C merupakan seorang patologis Pertuturan-Bahasa yang sedang berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Petaling Jaya. Ketiga-tiga pakar ini mempunyai pengalaman dalam bidang masalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 3.3

*Skala pengukuran persetujuan pakar.*

| Bil. | Skor | Skala Persetujuan |
|---|---|---|
| 1 | 1-2 | Sangat Tidak Sesuai (STS) |
| 2 | 3-4 | Tidak Sesuai (TS) |
| 3 | 5-6 | Kurang Sesuai (KS) |
| 4 | 7-8 | Sesuai (S) |
| 5 | 9-10 | Sangat Sesuai (SS) |

Berdasarkan skala yang diberi, skala persetujuan pakar bagi instrumen kajian ini adalah antara 1 hingga 10. Setiap pakar yang dipilih dikehendaki menandakan aras persetujuan mereka mulai skor terendah (markah 1) hingga skor tertinggi (markah10). Selepas pakar menandakan aras persetujuan mereka berkaitan borang dan isi kandungan instrumen, masa latihan dan cara pemilihan responden, pengkaji akan menganalisis menggunakan skala pengukuran 3.2 untuk melihat kesesuaian dan tahap persetujuan pakar sebelum kajian dijalankan. Hasil analisis persetujuan pakar terhadap instrumen kajian, ketiga-tiga pakar memilih skor antara 9-10. Ini bermakna ketiga-tiga pakar menyatakan bahawa instrumen ini sangat sesuai digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

### 3.9 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data kajian ini menggunakan beberapa kaedah seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.9.1 Pemerhatian

Pemerhatian dibuat dan dicatatkan oleh pengkaji semasa sesi intervensi dijalankan. Sesi pengajaran atau intervensi pertuturan ini dilaksanakan oleh seorang guru yang berpengalaman dalam pendidikan khas bermasalah pendengaran. Guru ini telah dilatih oleh penulis buku sendiri untuk menggunakannya sehinggalah beliau mahir mengendalikan intervensi pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran yang dipilih.

Bagi kajian ini, kaedah pemerhatian dilakukan menggunakan borang pemerhatian dan rakaman video. Catatan pemerhatian mengandungi maklumat tentang tarikh, isi kandungan pelajaran dan aktiviti pembelajaran, bahan rangsangan yang digunakan, pergerakan subjek, perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan aktiviti latihan. Catatan lapangan ditulis secara ringkas menggunakan bahasa yang mudah dibaca. Catatan lapangan yang lengkap ditulis semula selepas pemerhatian selesai, bagi memudahkan penyelidik membuat rujukan pada masa depan.

Catatan ini merupakan nota harian penyelidik yang merekod perkara penting yang berlaku dan ia membantu penyelidik mendapat gambaran lengkap tentang sesuatu perkara yang direkodkan dalam pemerhatian dan memberi petunjuk tentang apa yang patut dibuat dan yang patut dielakkan bagi meneruskan proses pengutipan dan pengumpulan data (Marohaini Yusoff, 2004 ; Stake, 2000). Catatan ini ditulis setiap sesi oleh penyelidik dan merupakan buku peringatan yang utama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 3.9.2 Rakaman Video

Kajian kes turut menggunakan pelbagai cara untuk mengumpulkan data. Kaedah yang digunakan harus boleh membantu penyelidik melakukan proses triangulasi dan membina rangkaian bukti yang kukuh. Antara punca pembuktian yang boleh digunakan adalah rakaman video. Rakaman video digunakan semasa sesi ujian pra dan ujian pasca dijalankan sebagai bahan bukti untuk merakam sebutan murid semasa menjalani ujian. Hasil rakaman ini akan diterjemahkan dalam bentuk transkripsi fonetik oleh dan ianya disahkan oleh pakar dalam bidang fonetik. Borang transkripsi fonetik adalah seperti lampiran M dan penentuan skor adalah seperti jadual penilaian dan penentuan skor ujian pra dan pasca (Jadual 3.5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 3.9.3 Bukti Dokumen

Kaedah lain dalam pengumpulan data adalah menggunakan bukti dokumen. Menurut Merriam (2001), bukti dokumen merupakan sumber data yang ketiga pentingnya dalam kajian kualitatif. Terdapat dua bentuk dokumen iaitu dokumen rasmi dan dokumen peribadi (Marohaini Yusoff, 2004; Stake, 2000). Maklumat dalam dokumen akan dirahsiakan dan digunakan hanya untuk tujuan kajian tanpa mendedahkan maklumat untuk tatapan umum. Maklumat ini penting bagi memastikan data yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Terdapat beberapa dokumen rasmi yang dirujuk, iaitu laporan pakar perubatan, maklumat latar belakang murid serta surat penempatan murid ke sekolah oleh JPWPKL. Maklumat dokumen ini juga dapat memberikan maklumat tentang tahap pendengaran murid dan tarikh murid mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



rawatan serta lain-lain maklumat yang diperlukan. Bukti-bukti dokumen ini digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dan penganalisisan data kajian. Bagi memastikan proses triangulasi berlaku, penyelidikan kualitatif secara umumnya menggunakan pelbagai jenis data untuk membina rangkaian pembuktian (Noraini, 2010).

### 3.9.4 Prosedur Pra-Pasca


Reka bentuk pra-pasca digunakan bagi mengkaji kesan atau perubahan disebabkan latihan pemulihan pertuturan yang sistematik dan berterusan menggunakan Buku Membaca Dengan Kaedah S.I. Bagi mengkaji perubahan yang disebabkan oleh olahan, dua cerapan dilakukan iaitu melalui ujian pra dan ujian pasca. Ujian pra merupakan ukuran yang dicerap sebelum subjek yang dikaji dikenakan olahan. Ujian pasca biasanya dilakukan untuk mengukur sejauh mana perubahan yang akan berlaku disebabkan oleh olahan (Mohd Majid, 2009).

Berdasarkan kajian ini, ujian pasca dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana perubahan selepas subjek mendapat latihan pemulihan pertuturan selama 30 minit sebanyak 10 sesi. Oleh yang demikian, bentuk kajian yang dijalankan untuk melihat perbezaan sebelum dan selepas murid menerima latihan adalah seperti Rajah 3.2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 3.2* : Reka Bentuk Ujian Pra-Pasca. Diubahsuai dari Chua (2011)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.2 menunjukkan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca yang dijalankan dalam kajian ini. Selepas pemilihan, responden terpilih diberikan pengukuran U1 iaitu ujian pra. Kemudian, responden diberi intervensi pemulihan pertuturan selama 10 sesi dan setelah selesai 10 sesi, responden akan diuji kali kedua dengan pengukuran U2 iaitu ujian pasca.

Bagi mengumpul data dalam kajian ini, kaedah yang digunakan sesuai digunakan dengan soalan kajian yang dibina. Jadual 3.4 menunjukkan kaedah kutipan data yang digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 3.4

*Kaedah Pengumpulan Data*

| **Pemerhatian** | **Bukti Dokumen** | **Prosedur Pra-Pasca** |
|---|---|---|
| Catatan lapangan<br>Rakaman video | Borang Maklumat Murid<br>Laporan Perubatan Murid | Ujian Pra dan Ujian Pasca |

| | 17/7/2014 | papa pipi popo pupu pepe pepe | |
| | | ap ip op up ep ep | |
| | Rabu | pap pip pop pup pep pep | RK3 |
| | 16/7/2016 | | |
| | Khamis | Menyebut perkataan | RK4 |
| | 17/7/2014 | api apa pipi upah lupa | |
| | | bapa papaya pahala pelali | |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada sesi 9 ini, responden diperkenalkan dengan konsonan /p/ iaitu konsonan terakhir dalam Modul S.I peringkat 1. Responden dilatih menyebut gabungan fonem /p/dan vokal serta perkataan yang mempunyai kedudukan /p/ di awal dan tengah perkataan. Pada peringkat ini, responden dilatih untuk membezakan bunyi /b/ iaitu letupan dua bibir bersuara dan /p/ iaitu letupan dua bibir tidak bersuara dengan merasakan getaran pada pita suara. Sekiranya responden merasakan getaran, bermakna ia adalah fonem /b/. RK1 telah menguasai kemahiran menyebut gabungan walaupun kadang kala dipengaruhi oleh sebutan bahasa perbualan yang pernah mereka dengar seperti /apa/ menjadi /ape/.RK2 dan RK3 masih perlukan bimbingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



untuk menyebut gabungan tertentu terutama gabungan /e/ dan /e/. RK4 lancar menguasai gabungan fonem namun perlukan latihan untuk mengurangkan sengau.

Jadual 4.13

*Program Intervensi Pertuturan Sesi 10*

| Sesi | Hari | Rancangan Pengajaran | Responden |
|---|---|---|---|
| S10 | Khamis 17/7/2014 | Latih tubi dan ulangkaji vokal dan konsonan yang telah dipelajari. | RK1 |
| | Isnin 21/7/2014 | Membaca perkataan dan ayat mudah. | RK2 |
| | Khamis 17/7/2014 | • Abah beli epal.<br>• Ibu bawa papaya. | RK3 |
| | Isnin 21/7/2014 | • Abu bela lebah<br>• Ayah belah labu | RK4 |

Sesi 10 merupakan sesi terakhir intervensi bagi semua responden. Pada sesi ini, responden diberi aktiviti latih tubi menyebut perkataan hasil gabungan fonem yang telah dipelajari dan ayat mudah yang mengandungi perkataan gabungan vokal dan konsonan yang dilatih (pembahagian fonem latihan diperincikan dalam rancangan latihan pemulihan pertuturan (Lampiran L). Sehingga sesi ini, responden dilihat lebih yakin untuk menyebut perkataan yang disenaraikan dan sebutan mereka juga adalah lebih baik. RK1, RK2 dan RK4 dapat membaca perkataan dan ayat mudah dengan lancar. Walau bagaimanapun, RK2 dan RK4 masih dipengaruhi unsur sengau tetapi berkurang jika dibandingkan sebutan mereka sebelum diberi intervensi. RK 3 sudah menguasai kebanyakan sebutan dengan baik namun masih perlukan latih tubi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



bimbingan yang minimum untuk menyebut perkataan tertentu seperti perkataan /epal/ disebut /epal/ kerana agak keliru dengan kedua-dua vokal ini. Setelah tamat menjalani intervensi selama sepuluh sesi, responden diuji dalam ujian pasca untuk melihat perubahan selepas intervensi dilaksanakan.

## 4.7 Keupayaan Sebutan Responden Selepas Intervensi Pertuturan

Soalan Kajian 3 :

Adakah terdapat perubahan keupayaan murid menyebut perkataan selepas menjalani intervensi pemulihan pertuturan menggunakan kaedah S.I ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, tahap pendengaran keempat-empat responden adalah teruk dan mereka juga mengalami masalah pertuturan di mana pertuturan mereka tidak jelas. Maklumat tahap pendengaran responden yang diperolehi berdasarkan laporan pakar perubatan menunjukkan keempat-empat orang responden memerlukan alat teknologi sokongan pendengaran dan latihan pertuturan bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran bertutur. Berdasarkan ujian pra yang dijalankan . responden menghadapi beberapa masalah dalam menyebut perkataan yang dibenaraikan. Namun, mereka telah diberi intervensi pemulihan pertuturan selama 10 sesi. kemudian mereka diuji semula dalam ujian pasca.

Keputusan ujian pasca yang dijalankan selepas responden menjalani intervensi pemulihan pertuturan menggunakan Modul S.I. Skor responden dalam ujian pasca meningkat jika dibandingkan dengan ujian pra. Perkataan yang diuji dalam kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



adalah perkataan yang mudah dan hanya terdapat dalam Modul S.I peringkat 1 sahaja memandangkan masa kajian yang agak terhad dan responden masih di peringkat awal menggunakan kaedah ini.

Jadual 4.14

*Masalah sebutan responden dalam ujian pasca*

| **Bil.** | **Masalah sebutan responden** | **Responden** | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | RK1 | RK2 | RK3 | RK4 |
| 1. | Penggantian | 1 | 5 | 0 | 1 |
| 2. | Pengguguran | 1 | 4 | 4 | 1 |
| 3. | Penambahan | 0 | 0 | 3 | 4 |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14 menunjukkan keputusan responden dalam ujian pasca. Keputusan ini menunjukkan peningkatan prestasi responden di mana RK1 hanya melakukan dua kesilapan sebutan iaitu penggantian dan penambahan fonem. RK2 menggantikan lima fonem dan empat pengguguran, RK3 pengguguran empat fonem serta penambahan tiga fonem, dan RK4 menggantikan satu fonem, menggugurkan satu fonem dan empat penambahan fonem dalam perkataan. Keputusan ujian pasca menunjukkan prestasi pencapaian responden bertambah baik jika dibandingkan dengan ujian pra. Kesilapan murid dalam sebutan seperti penggantian, pengguguran dan penambahan fonem menunjukkan penurunan dan ini menunjukkan responden sudah memahami dan mengetahui cara penghasilan fonem dalam sesuatu perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 4.15

*Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca*


| **Ujian** | **RK1** | **RK2** | **RK3** | **RK4** |
|---|---|---|---|---|
| Pra | 80 | 79 | 33 | 77 |
| Pasca | 98 | 91 | 93 | 96 |

Jadual 4.15 menunjukkan skor responden dalam ujian pra dan ujian pasca. Maklumat jadual menunjukkan peningkatan skor responden sebelum dan selepas menjalani intervensi. RK1 mencatatkan skor 80 dalam ujian pra meningkat menjadi 98 dalam ujian pasca, RK2 79 meningkat menjadi 91, RK4 skor 77 menjadi 96 dan peningkatan paling ketara adalah RK3 iaitu 33 meningkat sehingga 93. Ini bermakna responden mula menguasai kemahiran mengesan bunyi dan memahami cara penghasilan sesuatu fonem serta dapat membunyikannya dengan lebih baik selepas intervensi diberikan. Sesungguhnya murid bermasalah pendengaran perlu dilatih untuk menghasilkan bunyi yang bermakna kerana ketidakupayaan mereka untuk mendengar menjejaskan penguasaan bahasa dan pertuturan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 4.1* Graf Pendengaran. Diadaptasikan daripada J.L. Northern dan M.P. dari *Hearing In Children* (Williams & Wilkins, 1984).

Rajah 4.1 di atas menunjukkan graf mengenai individu yang mengalami masalah pendengaran. Garisan bahagian bawah graf menunjukkan kehilangan pendengaran seseorang individu sebelum memakai alat bantu pendengaran *(unaided hearing*) dan tahap pendengaran yang sangat teruk (*profound*) adalah antara 90dB hingga 120dB. Namun, sekiranya individu dibantu dengan menggunakan alat bantu pendengaran (*aided hearing)* yang bersesuaian maka garisan graf tersebut sepatutnya meningkat ke 60dB dan ke atas. Penggunaan alat yang bersesuaian dengan tahap kepekakan tidak menyembuhkan pendengaran tetapi ia membantu menguatkan bunyi supaya murid dapat dilatih bertutur.

Berdasarkan maklumat responden yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan mereka menghadapi masalah pendengaran yang teruk dan memerlukan alat bantu dengar untuk mempelajari pertuturan. Tanpa alat yang berfungsi dengan baik dan tanpa sebarang latihan yang khusus maka sukar bagi mereka untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



menguasai pertuturan. Oleh itu, ibu bapa, guru dan pihak bertanggungjawab perlu lebih peka dalam pengesanan kecacatan dan intervensi yang bersesuaian untuk golongan bermasalah pendengaran agar kesan ketidakupayaan mereka dapat dikurangkan.

## 4.8 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang dapatan kajian yang diperolehi bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dibentuk sebelum kajian dijalankan. Hasil kajian mendapati penggunaan modul S.I dapat membantu responden kajian untuk memperbaiki sebutan khususnya dan secara tidak langsung ianya membantu responden untuk menguasai kemahiran membaca melalui kaedah fonetik iaitu mengaitkan hubungan antara simbol dan bunyi. Responden dapat memperbaiki sebutan mereka dari aspek sebutan fonem, suku kata dan perkataan. Hasil kajian ini juga mendapati antara masalah sebutan yang dihadapi oleh responden dalam kajian ini adalah penggantian, penambahan dan pengguguran sama ada fonem vokal atau konsonan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pendengaran juga mempengaruhi keupayaan bertutur murid bermasalah pendengaran iaitu semakin teruk tahap kehilangan pendengaran maka semakin lemah penguasaan bahasa lisan seseorang itu. Namun, mereka masih boleh menguasai kemahiran bertutur walau tahap kehilangan pendengaran yang teruk kerana terciptanya alat-alat pendengaran yang canggih kesan dari perkembangan sains dan teknologi masa kini. Sokongan dan galakan amat diperlukan dalam membantu mereka memperkembangkan potensi dan keupayaan diri demi memastikan mereka juga dapat menjadi penyumbang kepada kemajuan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# BAB 5

# PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

## 5.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan kajian secara keseluruhan dengan memberikan ulasan dan hujah tentang pengajaran pertuturan murid pendidikan khas bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah. Pengkaji mengemukakan hujah dengan mengaitkan dapatan kajian dengan kajian-kajian lepas bagi menjelaskan fenomena. Bahagian pertama bab ini memaparkan ringkasan kajian dan perbincangan tentang dapatan kajian. Kedua, memberi penekanan kepada implikasi kajian dan ketiga memberikan cadangan kajian lanjutan untuk rujukan pengkaji pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meneroka tentang kesan intervensi terhadap pemulihan pertuturan murid berbermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah serta meninjau kebolehan dan keupayaan mereka mempertingkatkan sebutan melalui latihan yang berulang dan terancang. Kajian dimulakan dengan mengenal pasti tahap pendengaran murid dan keupayaan mereka untuk mengeluarkan suara atau bertutur memandangkan kajian ini menekankan kepada pemulihan pertuturan murid agar lebih lancar dan jelas. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan melihat adakah intervensi pemulihan pertuturan menggunakan Modul S.I dapat meningkatkan keupayaan pertuturan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian kes ini dijalankan di sebuah program pendidikan khas integrasi yang melibatkan latihan pertuturan ke atas empat orang murid berbermasalah pendengaran yang menggunakan alat bantu dengar (ABD). Keempat-empat responden mempunyai asas pertuturan iaitu memahami pertuturan kiu. Walau bagaimanapun, pertuturan mereka agak kurang jelas dan memerlukan latihan yang berterusan supaya mereka dapat menguasai pertuturan seterusnya lebih yakin untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Keupayaan memahami dan mengeluarkan suara memudahkan lagi proses intervensi menggunakan Modul S.I. Selain itu, pemerhatian, analisis dokumen seperti laporan perubatan dan maklumat lain yang berkaitan digunakan sebagai sokongan bagi mendapatkan maklumat tentang murid. Ujian pra dan ujian pasca dijalankan untuk mengetahui kesan intervensi ke atas murid sebelum dan selepas menerima latihan pertuturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Sebelum memulakan sesi intervensi pemulihan pertuturan, pemilihan responden dijalankan berdasarkan ciri yang ditetapkan oleh pengkaji iaitu menggunakan alat bantu pendengaran, pencapaian skor ujian *Ling's Six Sound* yang hampir setara,berupaya mengeluarkan suara dan mempunyai asas pertuturan kiu. Ujian *Ling's Six Sound* dijalankan untuk mengenal pasti tahap keupayaan murid yang menggunakan alat bantu dengar atau implan koklea mengesan dan membezakan bunyi yang masuk ke pendengarannya. Sekiranya murid sukar mengesan dan membezakan bunyi, maka murid akan menghadapi kesukaran untuk mengikuti latihan pertuturan. Dalam pengajaran pertuturan, pemakaian alat bantu pendengaran yang berfungsi dengan baik sangat penting kerana ia dapat membantu menguatkan bunyi dan membolehkan murid mendengar bunyi-bunyi dengan lebih jelas. Namun, kadangkala sesetengah murid berbermasalah pendengaran yang mempunyai alat bantu pendengaran tidak memakainya sepanjang masa dan menggunakan alat yang tidak sesuai dengan darjah dan kepekakan yang dialami (Abdullah, Che Rabiaah, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, subjek menjalani latihan pemulihan pertuturan secara individu sebanyak sepuluh sesi dan setiap sesi mengambil masa selama tiga puluh minit. Sesi latihan dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan iaitu mengikut kemahiran peringkat 1 Buku Membaca Dengan Kaedah S.I.

## 5.3 Perbincangan dan Dapatan Kajian

Pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur diberi penekanan dalam kurikulum terkini yang digunakan mulai 2011 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


(KSSR). Dalam KSSR, kemahiran mendengar dan bertutur ini dinyatakan melalui aspek komunikasi yang perlu diterapkan dalam kalangan murid iaitu penggabungjalinan kemahiran bahasa secara lisan dan bukan lisan ketika berinteraksi. Ini menunjukkan bahawa kemahiran lisan adalah sangat penting dan dititik beratkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kemahiran mendengar dan bertutur perlu diajar dan dilatih kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran kerana mereka tidak dapat mendengar serta meniru bunyi-bunyi bahasa.

Perbincangan dapatan kajian ini memberi fokus terhadap hasil dapatan yang dikaitkan dengan teori, model serta kajian lepas dengan melihat aspek persamaan serta perbezaannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.3.1 Ketidakupayaan sebutan murid bermasalah pendengaran

Umum mengetahui bahawa golongan bermasalah pendengaran biasanya sinonim dengan masalah pertuturan dan komunikasi serta lemah dalam akademik terutama yang melibatkan bahasa. Dalam meningkatkan penguasaan bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran, pihak ibu bapa seharusnya bertindak pantas dengan membawa anak mereka mendapatkan perkhidmatan profesional seperti audiologis dan patologis bahasa dan pertuturan agar kesan masalah kecacatan mereka dapat diminimumkan. Latihan pertuturan akan membantu golongan bermasalah pendengaran untuk meningkatkan keupayaan menyebut dengan lebih lancar dan jelas. Kajian lepas menunjukkan bahawa antara ciri-ciri pertuturan individu bermasalah pendengaran adalah sengau terhadap fonem vokal atau konsonan, pengguguran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


penambahan atau penggantian pada fonem-fonem tertentu (Hudgins dan Numbers, 1942). Dapatan ini membuktikan bahawa ciri-ciri tersebut merupakan ciri-ciri semula jadi pertuturan golongan bermasalah pendengaran. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat dikurangkan atau diatasi melalui latihan yang berterusan dan kaedah yang bersesuaian.

Di samping itu, penyimpangan sebutan berlaku kerana murid bermasalah pendengaran keliru sebutan bagi perkataan tertentu kerana kurangnya input bunyi yang masuk melalui pendengaran mereka serta proses komunikasi menggunakan pertuturan juga amat terhad. Latihan dan teknik yang sistematik dapat memperbaiki kelemahan ini walaupun ia memakan masa yang agak lama. Ini disokong oleh kajian Watson et al, (1999) yang mengatakan bahawa jika latihan-latihan pertuturan dilakukan seawal mungkin dalam bidang pemulihan pertuturan, peluang bagi individu bermasalah pendengaran bertutur adalah lebih positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.3.2 Pelaksanaan program intervensi pemulihan pertuturan menggunakan Modul S.I bagi mengatasi masalah pertuturan murid bermasalah pendengaran

Kebanyakan guru tidak mendapat latihan dan pendedahan tentang cara menangani murid yang menghadapi masalah komunikasi lisan (Abdullah & Che Rabiaah, 2014). Hal ini memperlihatkan kepentingan pengetahuan ini dikuasai oleh guru yang mengajar murid pendidikan khas. Guru sepatutnya dibekalkan dengan pengetahuan yakni ilmu asas dalam mengenal pasti dan menangani masalah ini. Murid yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


bermasalah dalam komunikasi lisan mungkin menghadapi kesukaran menguasai ilmu dan kemahiran yang disampaikan oleh guru. Pencegahan awal dan penyediaan aktiviti yang terancang perlu dilakukan supaya kesan masalah yang dihadapi tidak bertambah buruk. Pelaksanaan sesuatu intervensi haruslah difahami oleh guru supaya ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Modul S.I merupakan satu kaedah yang digunapakai guru-guru, jurupulih bahasa dan pertuturan serta ibu bapa bukan sahaja untuk melatih murid bermasalah pendengaran menguasai kemahiran bertutur malah ia juga digunakan untuk mengajar murid menguasai kemahiran membaca dengan lebih cepat. Modul ini menggunakan kaedah fonik iaitu murid-murid dilatih mengingat bentuk huruf dan bunyinya tanpa mengingati huruf tersebut. Modul ini mengenengahkan tentang pemeringkatan dalam proses pembelajaran yang melibatkan hubungan antara bunyi buruf kepada suku kata dan seterusnya perkataan yang bermakna selaras dengan Model Bawah ke Atas yang menekankan kepada proses pembelajaran dari peringkat yang mudah kepada yang lebih sukar. Dalam kajian ini, penggunaan modul S.I ini dilihat bukan sahaja sebagai panduan untuk mengajar pertuturan malah ia juga membolehkan murid melatih sebutan mereka serta memepertingkatkan kemahiran membaca melalui kaedah fonik. Kajian Suh dan Gerson (2013) menyatakan bahawa pembelajaran yang aktif dan menyeronokkan menggunakan kaedah fonik dapat meningkatkan kemahiran bacaan awal. Kaedah ini juga digunapakai untuk mengajar murid bermasalah pendengaran bertutur kerana ianya hampir sama dengan pertuturan kiu yang merupakan satu kaedah komunikasi golongan bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Murid-murid bermasalah pendengaran seharusnya dilatih untuk mendengar dan bertutur, bukan hanya menghafal kod-kod perkataan kerana bukan semua perkataan mempunyai kod tersendiri dan agak sukar bagi murid untuk mengingat semua kod-kod tersebut. Jumlah entri kata dalam bahasa Melayu sekitar 32 ribu kata dasar namun kod yang dibukukan dianggarkan hanya 15% daripadanya (Abdullah, 2004). Murid bermasalah komunikasi menghadapi dua kesukaran dari segi berbahasa iaitu tidak dapat menyatakan apa yang ingin mereka sampaikan melalui pertuturan dan sukar memahami percakapan orang lain ( Abdullah dan Che Rabiaah, 2014). Selain itu, antara kemahiran yang perlu ada pada individu yang ingin bekerja ialah kebolehan membaca dan menulis serta kemahiran interpersonal (Abdul Aziz, 2005; Reichardt, 2008). Walau bagaimanapun, kebanyakan murid bermasalah pendengaran agak lemah dalam aspek ini dan menyebabkan mereka cenderung berada dalam kelompok mereka sahaja (Safani dan Salleh, 2000). Teori behavioris menegaskan bahawa rangsangan persekitaran memainkan peranan penting dalam membantu penguasaan bahasa kanak-kanak. Oleh yang demikian, penggunaan Modul S.I dalam kajian ini diharapkan bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan sebutan dan pertuturan murid-murid bermasalah pendengaran malah ia juga dapat meningkatkan kemahiran membaca seterusnya memberi keyakinan untuk berkomunikasi dengan masyarakat yang rata-ratanya menggunakan bahasa lisan untuk berinteraksi antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 5.3.3 Perubahan keupayaan murid menyebut perkataan selepas menjalani intervensi pemulihan pertuturan menggunakan kaedah S.I

Keupayaan berkomunikasi bermula sejak kita dilahirkan melalui penggunaan bahasa bukan verbal diikuti bahasa verbal. Pertuturan pula berkait rapat dengan bahasa dan komunikasi. Namun, pertuturan merupakan sistem komunikasi yang paling sukar bagi individu yang mengalami bermasalah pendengaran. Kajian Puteri Roslina (2008) ke atas bahasa kanak-kanak *down syndrome* mendapati kanak-kanak yang tidak mempunyai keupayaan menggunakan bahasa reseptif menghadapi kesukaran dalam pertuturan dan menyusun idea atau pemikiran yang mengakibatkan masalah komunikasi dengan orang lain atau apabila hendak menyusun idea di atas kertas. Humes (2007) menyatakan bahawa walaupun dalam keadaan sunyi, individu bermasalah pendengaran masih sukar memahami percakapan orang lain. Masalah seperti ini berlaku kerana ketidakupayaan mereka mendengar memberi kesan kepada penguasaan bahasa lisan. Ini menunjukkan bahawa pendengaran sangat penting dalam pemerolehan dan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Sehubungan itu, kajian ini telah menggunakan Buku Membaca Dengan Kaedah S.I sebagai satu langkah untuk meningkatkan keupayaan murid-murid berbermasalah pendengaran untuk menguasai pertuturan. Buku ini bukan sahaja digunakan untuk meningkatkan keupayaan sebutan murid berbermasalah pendengaran malah ia juga boleh digunakan sebagai satu kaedah untuk mengajar kanak-kanak membaca melalui kaedah bunyi huruf atau dikenali sebagai kaedah fonetik. Berdasarkan hasil kajian, pencapaian murid bermasalah pendengaran menunjukkan peningkatan selepas menjalani intervensi pemulihan pertuturan. Dapatan ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


memberi satu gambaran positif ke arah mengembangkan lagi potensi murid berbermasalah pendengaran untuk bertutur dan seterusnya berkomunikasi secara lisan. Buku ini juga boleh digunakan sebagai salah satu alternatif dalam usaha mengembang dan meningkatkan pertuturan serta penguasaan literasi murid bermasalah pendengaran. Latih tubi dan pengulangan berkemungkinan membantu mempercepatkan penguasaan kemahiran berbahasa yang lebih baik.

Dapatan kajian menunjukkan adanya perubahan positif kerana berlakunya peningkatan skor antara ujian pra dan ujian pasca dari aspek ketepatan sebutan semua responden yang telah menjalani latihan pertuturan. Peningkatan skor ini juga menunjukkan responden mendapat manfaat daripada sesi latihan yang dilaksanakan sebanyak 10 sesi. Abdul Rahim (2004) telah menjalankan ujian terhadap 20 orang murid bermasalah pendengaran mendapati, latihan pertuturan dengan sokongan alat bantu pendengaran berupaya memperbaiki keupayaan bertutur murid jika dibandingkan dengan mereka yang tidak mengikuti latihan pertuturan. Kanak-kanak bermasalah pendengaran juga berupaya menguasai bahasa dengan baik seperti kanak-kanak tipikal dengan syarat mereka didedahkan dengan persekitaran bahasa yang betul oleh mereka yang rapat dengan mereka (Zamri (2007).

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan murid bermasalah pendengaran menyebut fonem vokal adalah lebih baik dan mudah bagi mereka berbanding fonem konsonan atau gabungan konsonan dan vokal. Fonem vokal terhasil apabila udara yang dikeluarkan dari paru-paru melalui rongga mulut tanpa mengalami sebarang sekatan. Berdasarkan kajian didapati kebolehan responden menyebut fonem vokal secara tunggal adalah baik. Sophie et al. (2014) yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


mengkaji tentang perkembangan bahasa kanak-kanak bermasalah pendengaran dan kanak-kanak tipikal berusia dua tahun mendapati keupayaan kanak-kanak bermasalah pendengaran menyebut huruf vokal adalah setara dengan kanak-kanak normal tetapi agak lemah dalam sebutan konsonan.

Fonem konsonan pula dihasilkan dengan melakukan sekatan terhadap arus udara yang dilepaskan melalui paru-paru. Penghasilannya adalah sama ada secara letupan, letusan, geseran dan sebagainya. Ianya dapat dibahagikan kepada bunyi bersuara dan tidak bersuara. Bunyi bersuara dihasilkan dengan menggetarkan pita suara adalah seperti bunyi /b, /d/, /g/, /m/, /n/, /r/,/l/, /w/ dan /y/. Manakala pita suara tidak digetarkan untuk menghasilkan bunyi tidak bersuara seperti bunyi /p/, /t/, /k/, /f/, /s/ dan /h/. Kehilangan pendengaran menyebabkan sesetengah konsonan sukar difahami terutama konsonan berfrekuensi tinggi seperti /s/, /ʃ/, /t/, /z/ dan /ʒ/ (Phatak, Yoon, Gooler dan Allen, 2009). Ini disokong oleh Hudgins dan Numbers (1942) yang membuat kajian ke atas murid berbermasalah pendengaran berumur 9 hingga 12 tahun dan mereka mendapati antara kesilapan konsonan yang dikenal pasti ialah kegagalan membezakan antara konsonan bersuara dan tidak bersuara serta pengguguran konsonan.

Dapatan kajian ini telah memperlihatkan peningkatan yang baik dari segi pencapaian responden iaitu berlaku penurunan terhadap kesilapan dalam menyebut sesuatu perkataan. Namun, selepas tamat menjalani latihan pertuturan, pencapaian mereka dalam ujian pasca telah meningkat di mana sebutan lebih tepat dan lancar. Northern dan Downs (2002) menyatakan bahawa setiap kanak-kanak bermasalah pendengaran harus diberi ruang untuk berkomunikasi secara bertutur kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pertuturan merupakan mod komunikasi utama dalam interaksi seharian. Oleh itu, kemahiran mendengar dan bertutur perlu diajar dan dilatih kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran kerana kehilangan deria pendengaran menyebabkan mereka tidak dapat mendengar serta meniru bunyi-bunyi bahasa.

## 5.4 Implikasi Kajian

Implikasi kajian dilihat dari segi latihan guru dan murid yang berterusan dan sistematik serta teknik yang bersesuaian dengan keupayaan murid ke arah meningkatkan pencapaian mereka agar mereka juga dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.4.1 Penekanan Pengajaran Pertuturan di Sekolah

Penguasaan bahasa lisan yakni pertuturan sangat penting terutama ke arah dasar menginklusifkan semua golongan kurang upaya tanpa sebarang diskriminasi selaras dengan *Incheon Strategy 2012* iaitu inklusif-ketidakupayaan. Komunikasi lebih mudah menggunakan bahasa lisan yang boleh diterimapakai oleh semua. Namun, komunikasi lisan adalah sesuatu yang sukar bagi murid bermasalah pendengaran dan ia juga mendatangkan kesukaran kepada masyarakat untuk berkomunikasi dengan individu yang menghadapi masalah pendengaran. Ini boleh menyebabkan berlakunya penyampaian maklumat yang salah atau kurang tepat disebabkan proses komunikasi yang kurang berkesan. Kajian yang dilakukan oleh Weisz, Doss, Hawley (2005)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



mendapati terapi pertuturan yang dijalankan dengan sistematik berkesan meningkatkan kebolehan bertutur kanak-kanak bermasalah pendengaran.

Penekanan pengajaran pertuturan ini bukan sahaja untuk murid peringkat sekolah rendah sahaja kerana proses ini memerlukan kesinambungan dari peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah. Pertuturan mereka lama-kelamaan akan hilang apabila mereka berada di kelompok yang hanya menggunakan bahasa isyarat tanpa suara. Perkembangan bahasa isyarat bertambah aktif apabila kanak-kanak mulai bersekolah di sekolah yang mempunyai golongan senasib yang kerap menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi (Abdullah dan Che Rabiaah, 2004). Golongan bermasalah pendengaran menunjukkan satu persefahaman dan hubungan yang sangat erat dalam kelompok mereka. Mereka begitu akrab dan lebih selesa bergaul dalam kelompok mereka sahaja (Safani & Salleh, 2000; Madinah, 2014). Selain itu, mereka mempunyai masalah dalam mewujudkan kemahiran interpersonal kerana perasaan syak wasangka serta keengganan mereka untuk berinteraksi dengan murid tipikal disebabkan kekangan komunikasi yang menimbulkan kebosanan apabila komunikasi sukar berlaku. Oleh yang demikian, pengulangan dan latih tubi yang berterusan menggunakan Modul S.I diharapkan dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur murid bermasalah pendengaran serta mereka dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan. Dengan adanya proses komunikasi maka secara tidak langsung perkembangan kognitif dan potensi murid dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 5.4.2 Latihan guru

Malaysia sedang berhadapan dengan cabaran besar. Kecemerlangan masa depan negara bergantung pada perkembangan sosiobudaya yang sihat dan pembangunan ekonomi yang mapan. Faktor ini pula bergantung kepada keupayaan menambah baik keberhasilan sistem pendidikan negara. Kementerian Pendidikan menyedari hakikat betapa pentingnya pendidikan dalam menyediakan asas pembentukan negara bangsa dan pertumbuhan ekonomi yang mapan selari dengan matlamat transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Guru sebagai pemangkin pendidikan dan penggerak utama dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid. Setiap guru mengajar murid pendidikan khas seharusnya diberi latihan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan murid. Kurangnya pengetahuan dan latihan akan menyebabkan guru tidak dapat memberikan pendidikan yang sewajarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 5.4.3 Peraturan Pemakaian Alat Bantu Pendengaran ke Sekolah

Menurut Pakar Patologi Pertuturan dan Bahasa, masalah pendengaran akan berterusan sepanjang hidup seseorang tetapi gangguan itu mungkin boleh berubah dan menjadi lebih baik dengan syarat diberi rawatan awal dan tepat untuk menggalakkan pemerolehan pertuturan (Berita Harian, 18 Mac 2008). Peraturan pemakaian alat bantu pendengaran harus diperketatkan dan penambahan bantuan kepada golongan yang kurang mampu agar mereka juga berpeluang untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Penggunaan alat bantu pendengaran memberi kesan sangat positif terhadap keupayaan mendengar sekiranya ia dipakai lebih awal dan secara berterusan. Bagi mendapatkan faedah yang maksimum penggunaannya, ia harus dipakai oleh murid sepanjang masa berjaga (Gregory, Silo & Callow, 1995). Hishamuddin Ahmad (2002), kajiannya ke atas 148 murid sekolah menengah di Johor mendapati hanya 17.9% responden yang memakai alat bantu pendengaran dan daripada jumlah tersebut hanya 30.9% sahaja yang menggunakannya melebihi 8 jam sehari. Pembentukan budaya penggunaan alat bantu pendengaran yang rendah ini bukan sahaja berpunca dari ibu bapa dan murid malah ia juga dipengaruhi oleh ketiadaan tindakan oleh pihak sekolah untuk menggalakkan penggunaannya (Rosli Aliman, 2008). Umumnya, penggunaan Modul S.I untuk mengajar petuturan memerlukan murid menguasai kemahiran mendengar dan mendiskriminasikan bunyi. Murid perlu memakai alat bantu dengar yang berfungsi dan mampu menguatkan bunyi dengan baik. Tanpa bantuan alat bantu dengar ini adalah mustahil murid yang mempunyai tahap pendengaran yang teruk mengesan dan mendiskriminasikan bunyi serta belajar bertutur. Oleh itu, seharusnya peraturan ini diperketatkan supaya murid dapat di ajar bertutur dan sisa pendengaran mereka dapat digembeleng semaksimum mungkin.

### 5.4.4 Penggunaan Modul S.I

Pengajaran membaca menggunakan Kaedah Fonik memberi kesan positif kepada pencapaian kanak-kanak (Yahya Othman , 2012). Modul S.I merupakan modul yang ditulis untuk mengajar pertuturan dan kemahiran membaca untuk murid bermasalah pendengaran. Modul ini juga menggunakan kaedah bunyi huruf atau pun kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



fonetik dalam melaksanakannya. Oleh yang demikian, penggunaan modul ini untuk mengajar pertuturan bagi murid bermasalah pendengaran di sekolah amat digalakkan .

## 5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat perkembangan dan pencapaian murid bermasalah pendengaran sebelum dan selepas menerima latihan pemulihan pertuturan. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan dan tindakan pengkaji pada masa hadapan.

5.5.1 Memandangkan kajian ini hanya memfokuskan kepada huruf vokal dan beberapa konsonan yang disasarkan iaitu h, y, w, l, b, p sahaja, maka dicadangkan supaya pengkaji akan datang menambah jumlah fonem yang lebih sukar. Kajian yang dijalankan ini hanya mengambil sebahagian fonem-fonem yang terdapat di dalam Buku Kaedah Membaca Dengan S.I peringkat 1. Oleh itu, seharusnya ansur maju dilaksanakan dan usaha yang berterusan ini diharapkan dapat membantu meningkatkan keupayaan murid bermasalah pendengaran untuk menguasai pertuturan dengan lebih baik.

5.5.2 Kajian ini hanya melibatkan 50 patah perkataan mudah yang terdapat dalam lingkungan fonem yang dipelajari sahaja. Ianya tidak memberi fokus kepada aspek kosa kata yang lebih luas dan mencabar. Oleh yang demikian, pengkaji mengharapkan kajian pada masa hadapan melibatkan kosa kata yang lebih banyak dan mencabar kemampuan murid kerana semakin banyak kosa kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang dikuasai murid maka pemikiran mereka semakin berkembang dan semakin mudah bagi murid untuk berkomunikasi.

5.5.3 Oleh kerana pelaksanaan pengajaran pertuturan sangat penting bagi murid bermasalah pendengaran bagi semua peringkat, maka pengkaji mencadangkan agar dihasilkan satu modul lengkap untuk mengajar pertuturan iaitu meliputi peringkat prapertuturan dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Modul ini juga seharusnya dibekalkan ke semua sekolah yang berkaitan termasuklah sekolah menengah. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan pengajaran pertuturan dari peringkat rendah dilaksanakan secara berterusan walaupun mereka telah memasuki sekolah menengah.

5.5.4 Keperluan terhadap khidmat sokongan mula mendapat perhatian dan permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa dan penjagaan kanak-kanak berkeperluan khas dalam usaha mendapatkan program intervensi dan rehabilitasi yang berterusan. Melalui sistem sokongan yang wujud secara kolaborasi antara agensi kerajaan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membantu memudahkan kolaborasi antara kumpulan pelbagai disiplin. Guru-guru pendidikan khas khususnya guru bermasalah pendengaran berpeluang meningkatkan profesion dan kepakaran mereka dengan mengikuti kursus-kursus bagi membolehkan semua guru pendidikan khas menjalankan intervensi terus kepada murid di sekolah. Cadangan ini dapat membantu mengatasi masalah kekurangan pakar seperti audiologis dan patologis pertuturan dan bahasa yang berkhidmat di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 5.6 Penutup

Kajian berkaitan kesan intervensi pemulihan pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran peringkat sekolah menengah ini telah memberikan satu keputusan yang positif kerana terdapatnya perkembangan dalam keupayaan murid setelah menjalani latihan menggunakan Modul S.I walaupun hanya menggunakannya peringkat asas pertuturan. Proses pembelajaran merupakan satu proses yang berterusan dan sepanjang hayat. Sistem pendidikan perlu dipergiat untuk menyokong mobiliti sosial dengan menyediakan sokongan tambahan kepada mereka yang kurang bernasib baik. Bagi mencapai matlamat ini, Kementerian akan menyediakan lebih sokongan dan program untuk murid berkeperluan khas bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing sepenuhnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh yang demikian, seharusnya aktiviti pengajaran pertuturan perlu diteruskan hingga ke peringkat yang lebih tinggi dan bukan hanya memfokuskan peringkat awal kanak-kanak hingga pendidikan sekolah rendah sahaja kerana proses ini perlu ada kesinambungannya selain memastikan golongan bermasalah pendengaran merasakan mereka perlu menguasai pertuturan. Mereka perlu disedarkan akan kepentingan menguasai bahasa lisan agar mereka juga dapat berkomunikasi dengan masyarakat, seterusnya menjadi penyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara menjelang tahun 2020.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**RUJUKAN**

Abdul Aziz Mohamed. (2005). *Cara Mudah Mencari Pekerjaan*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors.

Abdul Rahim Razali (2004). Kesan Latihan Pertuturan Terhadap Kebolehtuturan dan Penambahbaikan Tahap Pendengaran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas.* Hlmn 148-164.

Abdullah Yusoff (1993). Struktur Ayat Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37(6): 516-523.

Abdullah Yusoff (1994). Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT): Bahasa Komunikasi Pelajar Pekak. *Jurnal Dewan Bahasa*. 38(3): 254-260

Abdullah Yusoff (2004). The Importance of Finger Spelling in Deaf Children Communication. *Jurnal Dewan Bahasa. 9 (10):* 36-38

Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. (2004). Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Pekak : Suatu Sorotan dari Perspektif Linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa,* 639-680.

